



● BIL 262 ● 17 - 23 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



Belanjawan 2024
**MALAYSIA
MADANI**

SOKONGAN

Terbukti ➤➤ 3

**Kerajaan perlukan SOP
jelas, raikan kejayaan**
➤➤ 7

**Bonda keramatnya
kasih sayangmu**
➤➤ 8

**Nelayan asing gugat
warga tempatan**
➤➤ 9-11

100 pokok baharu untuk setiap pokok yang dipotong - PM



KEJADIAN pokok tumbang yang menimpah warga kota baru-baru ini.

PERDANA Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** telah memberi arahan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Sr Kamarulzaman Mat Salleh** untuk menanam 100 pokok baharu bagi pokok yang terpaksa dipotong.

"Saya telah memberi arahan kepada Datuk Bandar iaitu bagi setiap pohon yang terpaksa dipotong, 100 pokok baharu wajib ditanam semula," ciapnya di laman X pada Rabu.

Arahan itu diberikan berikutan dua kejadian pokok tumbang disebabkan hujan lebat

dan ribut di ibu negara dalam tempoh selang seminggu.

Dalam kejadian pada 7 Mei lepas, kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail telah meragut nyawa seorang lelaki dan mencederakan dua yang lain selain 17 buah kenderaan rosak.

Insiden sama turut berlaku pada Isnin (13 Mei) lalu di Jalan Pinang berhadapan Bangunan Kuwait Financial House yang turut melibatkan sebuah kenderaan PDRM yang bertindak sebagai konvoi Lead Car Ketua Menteri Melaka,

Datuk Seri Abdul Rauf Yusof selain tiga buah kenderaan awam terlibat dan lima buah motosikal awam.

Dalam kenyataan berasingan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** telah mengarahkan DBKL menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang dan menyediakan garis panduan baharu berkaitan pokok berusia atau berisiko tinggi yang dijangka siap pada Julai 2024 bagi mengelakkan insiden sama tidak berulang dalam jangka masa panjang.

Elak insiden pokok tumbang di KL

Jawatankuasa khas dibentuk

AZLAN ZAMBRY

SEBUAH jawatankuasa khas akan dibentuk bagi menilai keutuhan pokok-pokok khususnya yang berisiko di sekitar bandar raya Kuala Lumpur bagi mengelak insiden pohon tumbang berulang di masa hadapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menubuhkan jawatankuasa yang akan melibatkan semua pemegang taruh bagi memastikan bandar raya Kuala Lumpur selamat disamping menjaga kelestarian alam sekitar.

"Pemegang taruh yang bakal dilantik termasuklah persatuan penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pakar-pakar berkaitan termasuk aborist akan dikumpulkan untuk membincangkan dan melihat juga bagaimana pelaksanaan yang diamalkan oleh negara-negara lain seperti Singapura yang mempunyai satu sistem penjagaan pokok yang lebih komprehensif.

"Dalam jawatankuasa yang akan dibentuk nanti, pandangan yang disuarakan oleh semua pihak berkepentingan akan diambil kira termasuklah penggunaan teknologi baharu yang boleh dilaksanakan bagi memulihara kelestarian alam sekitar," katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Zaliha berkata apabila membina bandar raya, ia melibatkan pelbagai perkara dalam pembangunan tersebut termasuklah pemuliharaan alam sekitar yang melibatkan pokok-pokok khususnya dalam penggunaan teknologi terkini.

"Semua itu perlu dilihat dan saya dapati melalui pembacaan dan perbincangan yang teliti tentang pemuliharaan, penjagaan dan penelitian dalam proses tumbesaran pokok itu termasuklah soal akar yang membesar.

"Selain itu, kita perlu meneliti mengenai persekitaran pokok itu yang memerlukan kumpulan pakar yang boleh memberikan input dan akhirnya apa yang kita laksanakan nanti akan membawa kepada kelestarian alam sekitar sekali gus pokok itu boleh



ZALIHA (tengah) mendengar penerangan daripada pihak berkuasa yang menjalankan kerja-kerja menyelamatkan dalam insiden pokok tumbang di ibu negara minggu lalu.

bertahan lama dan utuh," katanya.

Menurut Zaliha, kesemua perkara tersebut ini telah dilaksanakan dan pemantauan telah mula dilaksanakan sejak 2019 dan ia dilaksanakan pada pokok-pokok yang berusia 30 tahun ke atas.

"Ada sebab tertentu mengapa pokok yang berusia itu dipantau dan hanya aborist yang berdaftar dengan DBKL mempunyai justifikasi kerana mereka terlatih dan mendapat kepakaran di dalam bidang itu.

"Selain itu ia turut mengambil kira ukur lilit pokok iaitu kira-kira 1.5 meter maka pemantauan perlu dilaksanakan secara berkala," katanya.

Zaliha berkata keseluruhan pokok di Kuala Lumpur berjumlah kira-kira 236,651 batang dan jumlah yang berusia melebihi 30 tahun setakat dikenal pasti adalah 1,346 batang pokok.

"Pokok berisiko tinggi yang telah dikenal pasti ada 175 batang pokok. Menerusi jumlah tersebut, 147 batang pokok telah ditebang dan baki perlu ditebang adalah 28 pokok menerusi tindakan jangka pendek," katanya.

Kata Zaliha lagi, untuk perancangan jangka masa sederhana, DBKL sedang menyusun pelan pengurusan pokok terutama melibatkan pokok-pokok rendang dan ia telah memulakan perbincangan mengenai garis panduan yang jelas.

"Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu dan struktur tanah mungkin berubah disebabkan cuaca maka proses pemuliharaan perlu dilaksanakan bersungguh-sungguh dengan melihat kepada semua faktor yang menyebabkan keutuhan pokok itu terkesan.

"Kemudian untuk tindakan dalam masa panjang ini, kita perlu memperincikan penggantian pokok dan ini penting kerana bandar raya ini perlu kepada keseimbangan pokok-pokok dan kehijauan demi kelestarian alam sekitar," katanya.

Tambahnya, penggantian pokok yang ditebang penting kerana pembangunan pesat bandar raya ini perlu diseimbangkan termasuklah pelan pengurangan karbon yang menjadi dasar dan ia berkait rapat dengan alam sekitar.



KERJA penebangan pokok berisiko sedang giat dijalankan.

DBKL telah tebang 61 pokok berisiko

SEBANYAK 61 batang pokok yang dikategorikan berisiko tinggi telah ditebang manakala arahan kerja segera untuk penebangan baki 21 batang pokok lagi telah dikeluarkan dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan Jun 2024.

Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) **LAr. Zulkifli Endut** berkata terdapat beberapa kategori pokok yang perlu ditebang setelah mengambil kira pendapat daripada aborist iaitu pakar profesional dalam pengurusan dan kajian pokok.

"Antara kategori pokok yang dicadangkan adalah pokok mati atau separuh mati; pokok condong berisiko; ruang sempit yang menyebabkan pokok tidak seimbang dan kerja-kerja pelebaran siar kaki atau longkang yang berisiko kepada pokok.

"Selain itu pihak aborist juga turut mengesyorkan pokok yang di vandalisme contohnya dikelar atau diracun, pokok telah dilanggar kenderaan lebih 50 peratus; pokok terlalu rapat dengan bangunan; pokok sekah telah melebihi 40 peratus dan pokok liar yang dikategorikan berisiko," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Rabu.

Menurut Zulkifli, aborist yang dilantik DBKL telah memeriksa lebih 560 batang pokok di beberapa kawasan di Kuala Lumpur.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 470 batang pokok disyorkan untuk dilakukan kerja-kerja penyelenggaraan seperti cantasan manakala 90 batang pokok lagi untuk ditebang.

Tambah Zulkifli, setakat ini sebanyak 61 batang pokok telah ditebang manakala baki 21 pokok akan ditebang secara berperingkat dijangka selesai pertengahan bulan Jun 2024.



PENJAWAT awam kini dilihat yakin dengan kerajaan perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Cakna segala isu penjawat awam Kerajaan Perpaduan raih sokongan 'luar biasa'

SYED HAZIQUE

SOKONGAN penjawat awam terhadap Kerajaan Perpaduan penting dalam memastikan kestabilan dan keberjayaan sebuah negara. Golongan ini memainkan peranan dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

Untuk memperoleh sokongan, kerajaan perlu memberi perhatian terhadap keperluan dan kepentingan penjawat awam serta rakyat secara menyeluruh.

Ini termasuk memberikan ganjaran yang adil, meningkatkan keupayaan mereka melalui latihan dan pembangunan profesional serta memastikan kebebasan untuk menyuarakan pendapat tanpa rasa takut.

Lebih setahun mentadbir negara, Kerajaan Perpaduan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengutamakan keadilan dan kesaksamaan berjaya menyedarkan rakyat bahawa kerajaan sentiasa memperjuangkan kepentingan mereka.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM), **Dr Mohammad Tawfik Yaakub** berkata dasar kerajaan yang mesra kakitangan awam telah menambat hati sehingga diterjemahkan dalam peningkatan undi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu (KKB).

Menurut Mohammad Tawfik, peningkatan sokongan terhadap kerajaan turut dipengaruhi oleh pengumuman dan pemberian pelbagai insentif kepada penjawat awam.

"Sebenarnya jika diperhati, sifirnya mudah sahaja, apabila Kerajaan Perpaduan mula cakna dengan segala isu terhadap kakitangan awam ini, maka daripada situ titik tolak permulaan corak kecenderungan pengundian sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan.

"Kita lihat, pendekatan tersebut memang berkesan, tambahan lagi pengumuman itu terbukti menerusi peralihan sokongan penjawat awam khususnya semasa di PRK KKB baru-baru ini yang melibatkan anggota polis dan tentera," katanya.

Tambah Mohammad Tawfik keputusan tersebut agak mengejutkan jika dilihat kepada statistik Pilihan Raya Negeri (PRN) sebelum ini.

"Jika dilihat peralihan sokongan penjawat awam terhadap Kerajaan

Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memang mengejutkan ramai pihak.

"Walau bagaimanapun, ini jelas terbukti kebajikan atau segala inisiatif yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri telah membuahkan hasil yang produktif," ujarinya.

Menurut beliau lagi, pertumbuhan ekonomi yang positif juga membantu peralihan sokongan tersebut.

"Rakyat memerhati serta cakna dengan perkembangan negara, malah usaha sama Kerajaan Perpaduan juga dapat dilihat dalam membantu meningkatkan ekonomi dengan menarik pelabur-pelabur asing.

"Kita juga dapat lihat usaha sama dijalin dengan pelbagai rangkaian syarikat-syarikat gergasi serantau dunia yang mahu melabur di negara ini," katanya.

Selain itu, jelas Mohammad Tawfik, Perdana Menteri yang menjalinkan hubungan terhadap negeri ditadbir pembangkang juga jelas menunjukkan kesamarataan dalam kerajaannya.

"Antaranya seperti pembinaan terminal baharu Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) fasa dua akan dilaksanakan serta-merta, Perdana

Menteri dan jemaah menteri hadir Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Kedah bukti bahawa Kerajaan Perpaduan tidak mengantir negeri yang ditadbir oleh pembangkang.

"Integriti dan sifat sebegini terus meluntur jiwa rakyat dan percaya bahawa Kerajaan Perpaduan adalah kerajaan tepat untuk terus memacu negara ke arah masa hadapan yang lebih cemerlang," katanya.

Malah tegasnya, segala inisiatif yang dilaksanakan adalah tonik bagi meraih sokongan kakitangan awam sekali gus dapat menstabilkan politik negara dan mengukuhkan kekuatan ekonomi.

"Di sini saya lihat sebagai tonik penjawat awam untuk bekerja lebih kuat dan satu permulaan baharu apabila mereka dilihat dan diberi penghargaan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Bagi saya ia satu persekitaran untuk usaha gigih, saya lihat hubungan antara penjawat awam dan persekutuan akan lebih erat.

"Kesannya juga akan membawa kepada peningkatan ekonomi, segala dasar juga dapat dijalankan dengan baik selain perkhidmatan awam yang lebih cekap dan efisien," ujar beliau.

Walau bagaimanapun jelasnya, perkara ini adalah satu proses untuk menarik kepercayaan, bukan mudah namun tidak mustahil untuk dilaksanakan.

"Ia adalah satu proses yang memakan masa, kita biarkan ia berlaku sebab tempoh untuk Pilihan Raya Umum juga masih jauh lagi.

"Kerajaan masih punyai masa untuk meningkatkan imej mereka, laksanakan segala usaha bagi menstabilkan ekonomi negara sekali gus mengurangkan beban rakyat.

"Rakyat khususnya anak muda akan menilai serta menterjemahkannya kepada sokongan kepada kerajaan," katanya.

INISIATIF KERAJAAN MADANI

1 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada semua penjawat awam termasuk pesara disalurkan secara sekali gus pada 23 Februari.

• Bayaran Insentif Awal RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dan RM1,000 kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam.

• Bayaran RM1,000 turut dipanjangkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan veteran tidak berpencen.

2 Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri berjumlah RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak pada 5 April.

• Sebanyak RM250 BKK Aidilfitri kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan tidak berpencen.

3 Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan skim gaji penjawat awam naik lebih 13 peratus bermula 1 Disember tahun ini.

4 Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memberitahu bahawa penekanan kementerianya adalah menaik taraf serta menambah baik beberapa kemudahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti pos Pasukan Gerakan Am (PGA) dan kuarters kediaman.

5 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenalkan Akaun 3 (Akaun Fleksibel) bagi memenuhi keperluan kewangan jangka pendek ahli dan boleh dikeluarkan oleh ahli pada bila-bila tertakluk terma dan syarat.



Dituduh gagal urus ekonomi

Prestasi Bursa Malaysia meningkat

SEPANJANG pentadbiran lebih satu tahun Kerajaan Perpaduan, pelbagai kecaman dan tohmahan dilemparkan kepada Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim gara-gara ketidakpuasan hati segelintir pihak.

Biarpun pelbagai langkah telah dilakukan oleh PM dalam usaha memulihkan ekonomi namun ia seolah-olah dipandang sepi. Malah, ada yang menuduh beliau menggunakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli ringgit dan sebagainya.

Pendek kata, apa sahaja yang dilakukan oleh Anwar sentiasa tidak kena di mata mereka yang tidak puas mencari kesilapan sehingga turut melabelkan PM gagal urus ekonomi.

Namun ternyata, apa yang diperkatakan tidak benar apabila Anwar membuktikan pencapaian terbaik prestasi Bursa Malaysia yang mencapai rekod permodalan pasaran tertinggi sekali gus membuktikan kekuatan daya tahan ekonomi di bawah Kerajaan MADANI.

Memetik ucapan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, pembangunan pasaran modal Malaysia, yang mencerminkan komitmen untuk memupuk pertumbuhan, inovasi dan daya tahan dalam sektor kewangan telah meletakkan negara sebagai destinasi utama bagi pelaburan serta aktiviti pasaran modal.

"Bursa Malaysia telah mencecah



KERAJAAN memberi tumpuan untuk menaikkan siling dan membuka laluan ke arah pertumbuhan ekonomi mampan.

1,600 mata, selain mencapai permodalan pasaran tertinggi berjumlah RM2 trilion. Prestasi berkenaan, yang hadir sewaktu ketegangan geopolitik yang berterusan menjadi bukti kekuatan pasaran dan ekonomi Malaysia.

"Ia juga menunjukkan bahawa langkah pembaharuan yang diambil kerajaan di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI sedang mengambil tempat dan membina keyakinan pelabur," kata beliau dalam ucapan sempena Majlis Pelancaran CIMB Securities

baru-baru ini.

Bukan itu sahaja, Amir Hamzah berkata pelbagai strategi dan inisiatif telah dilaksanakan kerajaan untuk merealisasikan sasaran utama di bawah Ekonomi MADANI.

Antaranya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dan pembaharuan ekonomi utama di bawah Belanjawan Negara 2024.

"Usaha tersebut meliputi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan mencerminkan pendekatan keseluruhan kerajaan dan tumpuan kolektif terhadap menaikkan siling dan menaikkan lantai, membuka laluan ke arah pertumbuhan ekonomi yang ketara dan mampan melalui inisiatif yang dipacu impak," kata beliau.

Kerajaan juga turut menumpukan kepada sektor korporat untuk meningkatkan penyertaannya dalam ekosistem ekonomi negara. 

SPRM jalan tanggungjawab secara profesional

USAHA yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah diperkotak-katikan oleh sesetengah pihak. Malah ada yang mendakwa pihak SPRM berat sebelah.

Agak keterlaluan apabila Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dikatakan tidak melaksanakan tugas dengan sewajarnya.

Malah pihak yang tidak bertanggungjawab itu turut mendakwa pemimpin dalam kerajaan yang terlibat dalam rasuah tidak diambil tindakan dan diabaikan hanya kerana kepentingan politik.

Sedangkan semua tahu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sentiasa tegas dengan isu tersebut. Malah beliau tidak akan bertoleransi dengan mana-mana pimpinan kerajaan yang didakwa terlibat dalam penyalahgunaan kuasa atau rasuah.

Sebelum ini, Anwar berkata dalam tempoh lebih setahun Kerajaan MADANI, tiada



SPRM melaksanakan tugas dengan tegas mengikut bidang kuasa yang telah diperuntukkan. - Gambar hiasan

mana-mana pemimpin yang terlibat dengan aktiviti rasuah.

Bukan mudah mahu perangi rasuah. Apatah lagi, seiring perubahan zaman, teknologi dan kepintaran, manusia, jenayah rasuah turut tidak ketinggalan mengalami revolusi.

Memetik kenyataan Azam, beliau berkata akan terus memastikan amanah dilaksanakan

sepenuhnya dan menjalankan tanggungjawab tersebut dengan penuh integriti.

"Menjunjung kasih ke bawah duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim atas perkenan pelantikan semula saya ke jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM.

"Harapan besar agar seluruh

rakyat Malaysia serta jentera kerajaan, tanpa kompromi dapat berganding bahu bersama SPRM bagi memerangi jenayah rasuah di negara ini," kata beliau.

Terdahulu dalam satu kenyataan, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali memaklumkan pelanjutan kontrak selaras dengan subseksyen 5(1) dan (2) Akta SPRM 2009 [Akta 694], Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan semula Azam.

Sementara itu, Anwar menyifatkan usaha SPRM memerangi gejala rasuah sebagai pertarungan yang dahsyat kerana Azam dan warga SPRM turut berdepan dengan tohmahan dan serangan keselamatan.

"Saya percaya keluarga SPRM tahu bagaimana kadang-kadang mereka terpaksa hadapi serangan, tohmahan dan juga isu keselamatan dalam pertarungan ini, ia pertarungan yang dahsyat," kata beliau di Majlis Peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

18/5/24: ExploreXYouth@Kiara @ Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park



PUTRAJAYA

18 - 19/5/24: Hari Pengumpulan Pakaian Terpakai @ Kawasan Parkir Kereta bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

19/5/24: Generali Malaysia Run 2024 @ Dataran Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17 - 19/5/24: Pesta Buku Labuan 2024 @ Ujana Kewangan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex



Izuan Kasim hero penduduk Kota Damansara



Apakah cabaran yang dihadapi YB sepanjang berkhidmat sebagai ADUN Kota Damansara?

Menggalas amanah serta tanggungjawab ini bukan satu perkara mudah, sudah tentunya pelbagai cabaran atau permasalahan yang diajukan kepada saya.

Ada di antara penduduk mula meluahkan keresahan mereka kepada saya sejak mula bertanding lagi atau semasa kempen lagi, itu jelas menunjukkan rakyat mahu saya menunjukkan kemampuan demi mencari jalan penyelesaian buat mereka.

Kawasan di sini terbahagi kepada kawasan kampung, semi-urban dan urban dengan campuran kelompok penduduk B40, M40 serta T20.

Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai ADUN, setiap masalah pada saya ialah masalah besar kerana keselesaan penduduk adalah keutamaan.

Antaranya masalah kerosakan jalan, banjir dan kepadatan penduduk adalah cabaran yang harus saya dan pasukan tangani demi kesejahteraan penduduk.

Malah ada juga permasalahan yang turut berkait dengan pemaju atau syarikat persendirian bersama penduduk yang dapat kita tangani walaupun ia sudah berlanjutan terlalu lama sebelum ini.

Sebagai wakil rakyat, itulah tanggungjawab atau cabaran yang perlu dilaksanakan atau dihadapi demi mencari solusi terbaik tanpa membelakangkan mana-mana pihak yang terlibat.

Apakah fokus pembangunan yang YB laksanakan bagi penduduk di kawasan Kota Damansara?

Fokus utama saya adalah permasalahan serta perbincangan dan pembangunan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Saya ingin memastikan bahawa pembangunan yang ada di kawasan ini terus mampan dan boleh menampung jumlah kepadatan penduduk itu sendiri.



KERJASAMA penduduk mampu membangunkan Kota Damansara.

Dalam masa sama, kita tidak mahu penduduk terbeban dengan pembangunan yang akan menyebabkan kesesakan lalu lintas sekali gus mendatangkan pelbagai masalah-masalah lain terutamanya dari segi kesihatan.

Begitu juga dari segi pendidikan, contohnya saya bukan dari keluarga yang senang, namun pelajaran membantu untuk saya berada di tahap ini.

Justeru itu, amat penting bagi saya serta para ibu bapa di kawasan ini untuk terus tanamkan minat belajar kepada kanak-kanak kecil ini kerana mereka adalah masa hadapan negara.

Tidak terkecuali juga kepada mana-mana pelajar lepasan sekolah di mana kita akan beri bantuan sehabis baik untuk mereka terus menyambung pelajaran.

Berapa nilai peruntukan yang diterima YB dan bagaimana YB salurkannya?

Saya menerima kira-kira 900 ribu setahun daripada Kerajaan Negeri dan saya bersama pasukan memastikan kalau boleh tiada satu pun penduduk yang tidak dibantu.

Pecahan wang tersebut saya bahagikan kepada pelajaran, komuniti serta kecemasan. Kita adakan program-program pendidikan, bantu kelengkapan anak-anak yang kurang berkemampuan antaranya dari

segi barangan persekolahan dan sebagainya. Selain itu, golongan belia dan warga emas tidak terkecuali dibantu.

Saya juga sering menyumbang untuk program-program komuniti atau kemasyarakatan supaya masyarakat terus menjalinkan hubungan rapat atau dalam erti jiran anda.

Kesesakan lalu lintas adalah antara masalah terbesar di sekitar Lembah Klang ini, bagaimana cara YB atasi masalah tersebut?

Perkara yang kita kena terima pada ketika ini adalah negara kita berorientasikan kenderaan. Kita dapat lihat sekurang-kurangnya setiap rumah pasti mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kenderaan.

Disebabkan itu, antara cara yang paling mudah dan berkesan ialah dengan menggunakan pengangkutan awam. Selain itu kerajaan negeri menawarkan van transit atas permintaan (DRT) iaitu

RM2 bagi satu perjalanan.

Orang ramai boleh melakukan tempahan dan kenderaan tersebut akan datang mengambil dan menurunkan anda, malah dalam van itu juga dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV), Wi-Fi selain van tersebut juga boleh dijejaki ke mana sahaja ia pergi.

Alhamdulillah, setakat hari ini sejak ia dilancarkan bulan November tahun lepas, ramai penduduk di sini sudah mula menggunakan perkhidmatan itu.

Bagaimana YB menyantuni penduduk dan apakah medium yang digunakan?

Zaman yang serba canggih dan teknologi tinggi ini pelbagai cara boleh digunakan untuk mendekati penduduk.

Sebagai wakil rakyat kita perlu selalu berinteraksi bersama mereka melalui media sosial dengan memasuki

setiap kumpulan komuniti di kawasan tersebut.

Jujur saya katakan segala info lagi mudah dan cepat diterima oleh penduduk-penduduk dan wakil penduduk sedia ada.

Untuk berjumpa setiap seorang itu sememangnya mustahil namun secara tidak langsung media sosial ini juga merapatkan hubungan kami. Mereka tag saya di media sosial bagi sebarang masalah dan saya memaklumkan juga di posting sama sebarang bentuk solusi penyelesaian kepada masalah tersebut.

Apakah harapan YB khas buat penduduk Kota Damansara?

Tidak banyak yang saya mahu selain kerjasama semua pihak dalam membangunkan dan membantu penduduk. Saya tidak mampu lakukan berseorangan kerana ada perkara yang saya terlepas pandang, ia memerlukan kerjasama semua pihak dan ini sangat penting kerana bermanfaat kepada penduduk.

Marilah kita bersama bangunkan bandar Kota Damansara menjadi sebuah bandar yang mampan, selamat dan juga selesa untuk diduduki. 🙏



IZUAN (kiri) tekun mendengar masalah penduduk bagi mencari solusi terbaik.

Kerjasama semua pihak penting

Kaji semula pembangunan landskap ibu kota

HAZIRAH HALIM

PIHAK berkuasa tempatan (PBT) khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disaran untuk mengkaji semula pembangunan landskap dan susun atur infrastruktur bertingkat seperti bangunan serta jalan raya di ibu kota.

Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), **Profesor Madya LAr. Dr Nor Atiah** Ismail berkata ia adalah sebahagian daripada langkah dalam menangani kejadian pokok tumbang berulang kembali pada masa hadapan.

“Jika dilihat daripada aspek pembangunan bandar, Kuala Lumpur sebenarnya dikelilingi oleh kawasan *wind tunnel* atau terowong angin disebabkan oleh kehadiran banyak bangunan tinggi.

“Apabila kita hendak membina sesebuah bangunan contohnya, kita tidak boleh melihat kepada pembinaan bangunan dan landskap sekitar bangunan itu sahaja. Kita perlu merancang jalinan kawasan hijau di seluruh persekitaran bandar dengan ruang landskap yang mencukupi untuk pertumbuhan pokok yang sihat.

“Jadi, saya sarankan bagi setiap pembangunan bandar terutama

di ibu kota perlu melibatkan pakar profesional seperti arkitek landskap, perancang bandar, arkitek serta jurutera. Ini kerana, perancangan bersepadu dan teliti boleh membantu memastikan landskap bandar direka bentuk dengan ruang hijau yang mencukupi untuk pertumbuhan pokok yang sihat dan selamat,” katanya.

Beliau juga memberitahu, masyarakat juga disarankan untuk menjadi penyampai maklumat kepada DBKL tentang keadaan pokok dan kesannya akan terlihat secara jelas

apabila pihak PBT itu menerima laporan.

“Sudah tiba masanya kesedaran masyarakat mengenai peranan serta kepentingan pokok dalam kehidupan bandar. Perkara ini ditekankan kerana apabila pokok tumbang ini berlaku, ia mengurangkan jumlah pokok di kawasan bandar dan seterusnya mengurangkan suasana hijau untuk kesejahteraan kehidupan masyarakat ekologi bandar dan kelestarian alam semula jadi.

Amalan perlandskap terdahulu yang lebih mementingkan keindahan dan



POKOK tumbang yang menghempap beberapa kenderaan di Jalan Pinang baru-baru ini.

kecantikan dengan menampilkan pokok-pokok eksotik yang dibawa dari luar negara perlu dihentikan dan lebih mengutamakan spesies *native* tempatan bagi menjamin kepelbagaian biodiversiti di dalam pusat bandar. Amalan *monoculture* pokok bandar juga telah dikenal pasti sebagai kaedah yang tidak sesuai di dalam pusat bandar.

“Pokok adalah penyumbang utama terhadap kualiti udara selain menyediakan habitat untuk fauna dan penyerapan karbon dioksida. Jadi penyelenggaraan

dan penjagaan sebaiknya boleh mengelakkan pokok tersebut berisiko tumbang,” ujarnya.

Dalam pada itu, kejadian pokok tumbang yang berlaku tidak hanya merosakkan alam sekitar termasuk kenderaan atau jalan raya malah ia juga turut memberi ancaman kepada keselamatan awam.

“Corak cuaca masa kini tidak menentu di mana ada kalanya hujan lebat berserta angin kencang, jadi kecenderungan untuk pokok tersebut tumbang adalah tinggi serta boleh

merisikokan keselamatan awam.

“Walaupun kerjasama dari setiap pihak sama ada PBT, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta penting untuk memelihara pokok,” ujar beliau. 

Naik taraf KLPF 2023 sebagai program antarabangsa

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi bakal menaik taraf penganjuran Festival Taman Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Festival Park (KLFP) dengan konsep baharu sebagai sebuah program antarabangsa.

Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL, **Zulkifli Endut** berkata konsep baharu tersebut dicadang akan melibatkan penyertaan daripada pereka, persatuan serta peserta dari luar negara selaras dengan usaha kerajaan bagi menarik kehadiran pelancong antarabangsa.

“KLFP merupakan antara usaha DBKL untuk mempromosikan taman-taman awam dan kawasan hijau di Kuala Lumpur bagi meningkatkan aktiviti dan kegunaan taman awam sebagai sebuah ruang pelbagai kepada warga kota.

“Selain itu, ia juga diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga kota tentang seni bina landskap dan rekaan bentuk hiasan dalaman, kaedah penjagaan serta tanaman berasaskan makanan,” kata beliau.



ZULKIFLI (empat dari kanan) bersama wakil-wakil jabatan menerima anugerah.

Zulkifli berkata cadangan pembaharuan KLFP tersebut diadakan berikutan kejayaan DBKL bersama jabatan-jabatan terlibat dinobatkan sebagai penerima Anugerah Green Initiatives Award bagi kategori kerajaan dalam menganjurkan festival berkenaan pada tahun 2023.

Katanya, anugerah yang diterima itu dinilai berdasarkan beberapa aspek merangkumi peningkatan imej bandar, kesedaran awam terhadap alam sekitar dan sumbangan bagi memartabatkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

“KLFP 2023 membawa konsep

atau tema Laman Seni dan Flora Malaysia yang menghimpunkan laman-laman dengan ciri-ciri khusus dari seluruh pelosok Malaysia serta seni arca alam sekitar yang digubah dari elemen semula jadi.

“Kedua-dua unsur tersebut menjadi fokus dalam festival tersebut yang dipersembahkan dalam bentuk pertandingan dan pameran.

“Ia adalah penghargaan bermakna buat seluruh warga kerja yang terlibat dan merupakan titik semangat untuk terus berusaha mengindahkan dan menaik taraf taman serta kawasan hijau sedia ada di bandar raya Kuala Lumpur.

“Semasa penganjuran KLFP 2023, DBKL telah dianugerahkan dua anugerah Malaysian Books Of Records (MBOR) iaitu The Most House Plant Species In An Exhibition di mana kami telah menempatkan lebih 50,000 pokok daripada 5,120 spesies di dalam satu pameran.

“Selain itu, kami juga berjaya merangkul pengiktirafan Most Ribbon Knots Art In An Installation iaitu hiasan *ribbon*

pallet sepanjang 60 meter dengan 17,150 ikatan daripada 35 jenis tona warna riben yang diperbuat daripada kain satin,” katanya.

Terdahulu, anugerah tersebut diterima oleh wakil-wakil daripada jabatan terlibat iaitu Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Jabatan Perancangan Bandar serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL pada Malam Gala Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) 2024.

Zulkifli berkata KLFP adalah sebuah program peringkat kebangsaan yang melibatkan pelbagai pemegang taruh dari seluruh Malaysia termasuklah pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh Malaysia, institusi pendidikan seperti universiti awam daripada pelbagai universiti, dan peserta-peserta daripada segenap lapisan kaum dan masyarakat.

“Melalui festival ini, ia dapat memupuk kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar melalui acara dan pertandingan yang dianjurkan dengan mesej kepentingan alam semula jadi,” ujar beliau. 

Kerajaan perlu SOP jelas, raikan kejayaan



ZULKIFLI SULONG

JUMAAT lepas saya telah ke Kuala Kubu Bharu (KKB), sehari menjelang hari pembuangan undi di Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan itu.

Sasaran saya adalah untuk melihat sendiri bagaimana isu sebuah masjid melarang petugas atau penyokong parti yang memakai baju parti khasnya Pakatan Harapan (PH) daripada masuk ke masjid itu untuk bersembahyang.

Saya sampai awal ke masjid itu, iaitu kira-kira satu jam sebelum solat Jumaat bermula. Mengikut jadualnya, Exco Agama Kerajaan Negeri Selangor, Dr Fahmi Ngah juga akan datang sendiri ke masjid itu untuk membincangkan isu berkenaan.

Di Masjid Bandar Utama, Batang Kali itu, ada makanan dan air percuma disediakan. Ada nasi kunyit berlauk rendang ayam, ada air balang dan juga koktel yang disediakan untuk para jemaah.

Yang menarik, ada kopiah bercop Kita Selangor diberikan secara percuma kepada jemaah masjid itu. Orang ramai berebut-rebut mencuba dan mengambil kopiah putih yang berkualiti baik itu. Menjelang khutbah Jumaat, kesemua kopiah itu telah habis diambil oleh orang ramai dan mereka memakainya untuk bersolat.

Dalam hati saya sudah terdetik, kalau orang ramai di kubu PAS itu boleh dengan mudah mengambil

dan memakai kopiah Kita Selangor itu, bermakna, sentimen penolakan kepada kerajaan negeri Selangor yang dipimpin Pakatan Harapan itu sudah melunak dalam kalangan orang Melayu.

Masakan mereka boleh memakai kopiah Kita Selangor jika mereka marah kepada kerajaan negeri.

Terbukti, selepas keputusan PRK itu diumumkan, calon perpaduan dari DAP yang bertanding atas banner Pakatan Harapan, Pang Sok Tao telah dipilih untuk memberikan khidmat sebagai wakil rakyat kepada mereka.

Yang menarik calon PH menang selepas undi awal dikira. Pengundi awal untuk PRK ini adalah anggota polis, tentera dan juga petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang hampir kesemuanya adalah pengundi Melayu.

Dalam PRK Kuala Kubu Bharu 2024, calon PH mendapat 592 manakala calon PN mendapat 156. Ia terbalik jika dibandingkan dengan pilihan raya negeri 2023 lalu di mana calon PN mendapat 530 undi manakala calon PH hanya mendapat 146 undi.

Undi keseluruhan pengundi Melayu juga berubah dalam pilihan raya kali ini.

Calon PH-BN memperoleh peningkatan tiga peratus undi daripada kaum Melayu, berbanding pencapaian dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) tahun lalu.

“Sokongan kaum Cina masih kekal kepada PH, bahkan semakin meningkat, manakala sokongan kaum India turut menunjukkan peningkatan sebanyak lapan peratus kepada gabungan berkenaan,” kata penganalisis dari

Institut Darul Ehsan (IDE).

Bagi penganalisis, antara faktor yang menyumbang kepada perkalian besar ini adalah kerja keras Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Saifuddin sejak bergelar menteri memberikan tumpuan kepada kebajikan anggota beruniform termasuk sentiasa menaik taraf beberapa kemudahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti pos PGA dan kuarters kediaman.

Contohnya ketika dalam sesi *podcast* Keluar Sekejap bersama Khairy Jamaluddin pada pertengahan Mac lalu, Saifuddin berkata dia menggunakan RM200 juta untuk meluaskan lagi kuarters kediaman anggota polis yang dahulunya sekitar 600 kaki persegi kini menjadi 1,200 kaki persegi.

“Anggota tak boleh duduk dalam rumah yang 600-700 kaki persegi. Bila kita tengok rumah anggota macam itu, apa yang kita buat?”

“Kita pecahkan dinding tengah

supaya dia jadi 1,200 kaki persegi. Dan semua itu kita siapkan. Selain itu kita cat baharu, *wiring* yang dibaik pulih, kabinet dapur serta bilik air,” kata Setiausaha Agung PH itu.

Selepas lebih setahun mengambil alih pentadbiran negara, kerajaan Malaysia MADANI pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ini sudah banyak melakukan kebaikan untuk rakyat khasnya penduduk majoriti negara ini iaitu orang Melayu.

Namun, kelemahan ketara yang dilihat adalah kegagalan jentera dan penyokong kerajaan khasnya media milik kerajaan untuk meraikan atau merayakan kejayaan dan kerjabaik yang dibuat oleh kerajaan.

Akibatnya, kejayaan dan kerjabaik ini tenggelam tanpa diketahui oleh orang ramai kecuali mereka yang mendapat manfaat langsung daripadanya.

Tambahan pula, ia ditenggelamkan oleh sentimen

perkauman dan agama yang dimainkan oleh pihak pembangkang.

Oleh itu, mahu atau tidak, kerajaan perlu menyediakan satu prosedur operasi standard (SOP) yang jelas sebagai panduan untuk membolehkan media terutamanya milik kerajaan termasuk RTM dan BERNAMA, untuk meraikan kejayaan dan kerja baik yang dibuat oleh kerajaan.

Melalui SOP ini, setiap kejayaan dan kerjabaik yang dibuat kerajaan akan disambut dengan jelas dan bertahan dalam tempoh tertentu bagi memastikan semua pihak tahu mengenainya.

Adakah kerajaan dan agensi milik kerajaan bersedia untuk menyediakan dan melaksanakan SOP ini. Terserahlah....

INI sekadar pandangan dari penulis sahaja.



Kunjungi pesta buku KL



Naik gaji rajin kerja

PESTA Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) datang lagi meneruskan tradisi tahunan. Pesta kali ke-41 tahun ini akan bermula pada 24 Mei hingga 2 Jun di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

Walaupun wujud andaian bahawa masyarakat kini kurang membaca bahan bertulis seperti buku dan majalah, sebaliknya membaca atau membuat rujukan bahan secara dalam talian, bagi kawan-kawan Kedai Kopi andaian ini tidak semestinya tepat.

Penganjuran berterusan PBAKL membuktikan minat terhadap buku masih tinggi. Penyertaan bukan sahaja dalam kalangan pempamer dalam negeri tetapi juga dari negara luar sekali gus ia dianggap pengiktirafan negara luar terhadap PBAKL sebagai medan mempromosi dan menjual buku keluaran mereka.

Jumlah kehadiran pengunjung membuktikan orang ramai tetap menerima buku sebagai sumber pengetahuan utama dalam arus Internet yang menyaksikan bahan bacaan boleh diakses secara dalam talian. Tahun lepas sasaran penganjur ialah kehadiran 1.3 juta pengunjung tetapi

jumlah yang hadir mencecah 1.6 juta, sesuatu yang sangat membanggakan serta di luar jangkaan.

Untuk tahun ini sasaran penganjur PBAKL ialah 1.5 juta pengunjung sepanjang 10 hari pesta itu berlangsung. Mengambil kira sambutan hangat tahun lepas, sasaran ini mampu dicapai. Malah tidak mustahil jumlah pengunjung akan sekali lagi melebihi sasaran.

Pendekatan PBAKL kali ini yang menjurus kepada pesta keluarga. Semua kategori bahan bacaan yang diperlukan oleh setiap lapisan usia ada dijual.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga kerana penganjur tidak lupa kepada yang tidak berpeluang hadir secara fizikal ke pesta berkenaan. Untuk itu, PBAKL akan turut diadakan secara dalam talian untuk kali yang ketiga.

Terdapat 972 pempamer, termasuk 14 dari luar negara. Antaranya Singapura, Thailand, Filipina, India, China, Taiwan dan Iran. Kehadiran mereka menyerikan PBAKL dan pada masa sama memberi peluang kepada rakyat negara ini memiliki bahan bacaan bermutu dari negara berkenaan.

MULAI Disember ini, kakitangan kerajaan bakal menikmati kenaikan gaji sehingga lebih 13 peratus. Berita gembira ini diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perhimpunan Hari Pekerja 1 Mei lalu.

Pasti pengumuman ini menggembirakan seluruh kakitangan kerajaan yang sekian lama mengharapkan ada anjakan dalam skala gaji mereka. Menurut Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), tidak ada kenaikan gaji sejak 12 tahun lalu.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucap tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri yang mendengar suara hati kakitangan awam agar gaji dinaikkan sejajar dengan kos kehidupan yang kian meningkat.

Namun perlu diingat, Anwar juga menegaskan, kenaikan imbuhan ini bukan automatik, tetapi bergantung kepada prestasi setiap orang. Yang melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang akan menerima imbuhan. Dijangka 95 peratus akan menerima kenaikan automatik.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, langkah

ini bagus untuk membezakan penjawat awam yang dedikasi terhadap tugas dengan yang hanya jadi penumpang. Semoga itu akan menjadi loceng amaran kepada mereka yang lemah untuk memperbaiki diri.

Imbuhan gaji hendaklah dianggap sebagai pembakar semangat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada orang awam. Ganjaran yang diberi oleh kerajaan mesti diiringi dengan peningkatan mutu perkhidmatan.

Kawan-kawan Kedai Kopi biasa mendengar rungutan mengenai gelagat segelintir kakitangan awam yang seperti acuh tidak acuh apabila bertugas. Misalnya memberi layanan kurang mesra, tidak tersenyum dan adakala tutur kata juga kurang enak didengar.

Bagi kelompok ini, kawan-kawan Kedai Kopi harap ubahlah sikap. Harapan tinggi diletakkan di atas bahu anda untuk memberi perkhidmatan terbaik. Ini adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan komited, jujur dan ikhlas demi mewujudkan perkhidmatan awam yang gemilang dan terbilang.

Bonda keramatnya kasih sayangmu



KU SEMAN KU HUSSAIN

IBU kembali ke pangkuan Ilahi pada 2008 selepas 24 tahun saya meninggalkan kampung kerana merantau ke Kuala Lumpur. Ibu dan ayah sangat gembira apabila saya mendapat kerja di Kuala Lumpur, bagaimanapun tetap bersedih terpaksa berpisah pada jarak yang jauh.

Kedua-dua mereka adalah pendiri kerjaya dan pelurus kehidupan saya di Kuala Lumpur. Suatu yang saya tidak pernah lupa tatkala ibu melurutkan gelang emas yang seutas di lengan untuk digadai buat belanja awal di rantau orang. Mereka tidak berharta, gelang nipis itu antara yang ada.

Sekalipun dipisah lebih 500 kilometer, saya memastikan paling lama dua bulan sekali akan balik ke kampung menjenguk ibu. Kalau saya terlambat, ibu pula ke Kuala Lumpur seorang diri dengan segala buah tangan dari kampung. Ibu buta huruf tetapi sangat cekal dan yakin.

Cuma pada dua tahun terakhir hayatnya saya pulang sebulan sekali dengan kereta buruk yang terhenjut-henjut dan hampir lerai untuk bertemu ibu. Kudratnya hilang mendadak dan sebulan sekali tidak pernah gagal sekalipun sibuk dengan urusan kerja dan keluarga.

Memang agak melelahkan apabila bergerak pulang selepas habis kerja pada larut malam untuk memastikan paginya sudah berada di depan ibu. Dua tahun terakhir itulah fasa kritikal ibu diserang dementia yang kronik, tidak berupaya menguruskan diri dan tidak kenal semua anak-anaknya termasuk saya.

Pada mulanya saya juga rasa kehilangan ibu yang dulu banyak



KENANGAN zaman kanak-kanak bersama ibu adalah saat paling dirindui. - Gambar hiasan

bercakap dan saya menjadi pendengar yang setia. Dulu sangat terhibur mendengar suara ibu dan saya terimbau masa lalu zaman kanak-kanak yang manis. Tetapi selepas direntap dementia ibu menjadi pendiam dan pandangannya kosong.

Walaupun sudah tidak mengenali saya, tetapi detik-detik manis bersamanya dulu sedikit pun tidak terpadam. Saya pula yang mengajak berbual, tetapi ibu diam tanpa reaksi dan seperti saya tidak ada di depannya. Terasa terlalu pantas ibu 'hilang' sebelum kepulauan yang abadi.

Ibu sudah hilang semua masa silamnya termasuk yang manis bersama-sama saya dan anak-anak yang lain. Bagi manusia kenangan adalah milik peribadi yang tidak pernah susut nilainya. Hanya

kenangan yang boleh membawa manusia menziarah ke daerah-daerah ingatan masa lalu. Tetapi ibu sudah tidak lagi punya masa silam, kenangan dan segala-galanya di sepanjang usianya.

Setiap kali melihat keadaan ibu saya sering bertarung dengan sebak yang tertahan-tahan. Sekalipun begitu berada depan ibu menjadikan detik dan waktu seolah-olah terhenti - saya kembali pada zaman kanak-kanak yang melimpah dengan kasih sayang.

Hubungan jiwa antara ibu dengan anak-anaknya adalah suatu yang sangat unik, dan semua pengorbanan yang dicurahkan biarpun yang boleh mengancam nyawa pun tidak pernah dibayangkan akan balasannya. Semua yang dilakukan itu kerana dia seorang ibu yang sentiasa terhubung dengan semua anak-anaknya.

Ahad lalu (12 Mei) adalah Hari Ibu. Seminggu sebelum itu sudah banyak gedung yang mempromosi barangan yang 'sepatutnya' dibeli dan dihadiahkan kepada ibu. Seolah-olah anak-anak itu tidak tahu memilih mengikut selera. Seperti tahun-tahun sebelumnya antara barangan yang menjadi tumpuan adalah kain tudung, baju dan tidak kurang telekung berjenama.

Hotel dan restoran mewah juga tidak ketinggalan mempromosi sambutan Hari Ibu. Tujuannya supaya orang ramai memilih premis berkenaan untuk meraikan Hari Ibu. Begitulah orang

berniaga, apa sahaja yang boleh atau berpeluang mendatangkan laba, itulah yang diutama.

Tidak ada salahnya sesekali berbelanja sebagai apresiasi kepada ibu. Malah tidak ada halangan untuk merayakan Hari Ibu dan menghadihkan sesuatu yang mahal atau menikmati juadah di restoran mewah. Cuma biarlah tidak berlaku kerak melebihi periuk, kalau diketahui ibu tentu sangat sedih hatinya.

Buatlah sekadar yang termampu dan harus pula memastikan supaya tidak terjatuh dengan kempen berbelanja sebagai satu gaya hidup. Itu suatu sikap yang kurang baik apa lagi menjurus kebendaan dan berlumba-lumba dengan orang lain. Sebaliknya Hari Ibu boleh sahaja digunakan sebagai ruang waktu untuk anak-anak menghargai ibu masing-masing.

DUA NISAN KAKU

RUANG itu penting supaya terulang detik-detik lampau yang manis dan mendengar semahunya ibu berbicara tentang semua yang mahu diperkatakannya. Hari Ibu adalah kesempatan menghentikan seketika rutin dan benar-benar tertumpu pada sosok yang amat berjasa itu.

Sekalipun begitu, setiap hari pula seharusnya ada kesempatan menghargai ibu, maka yang perlu diingat adalah penghargaan itu tidak terbatas pada satu hari dalam setahun. Sebaliknya

setiap detik adalah kesempatan menunjukkan kasih sayang, mengucapkan terima kasih dan mengingati pengorbanannya.

Pengorbanan pula tidak hanya terpancar pada tindakan zahir akan tetapi sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi dirasa umpamanya dalam diam ibu tidak henti-henti mendoakan perkara yang baik-baik untuk anak-anak. Semua yang dilakukan itu tanpa mengharapkan balasan kerana kebahagiaan anak adalah harta berharga seorang ibu.

Oleh itu, sesekali jadilah pendengar yang baik kerana ada kalanya ibu hanya ingin berkata-kata yang tanpa mahu dihakimi. Biarkan dia bercerita sesuatu yang memberi kebahagiaan kepadanya. Tidak ada ruginya menunjukkan yang kita sangat menghargai kebijaksanaan dan pengalaman panjang yang dilaluinya.

Demikianlah berdirinya sosok seorang ibu yang setiap lekuk kehidupan terpatih kisah yang tidak kenal lelah demi anak-anak. Dengan sepenuh hati, ibu mengorbankan waktu, tenaga, bahkan kebahagiaan peribadi demi anak-anak yang disayangi. Tidak sekali pula menomborduakan anak demi kepentingannya sendiri.

Disebabkan itu, apabila memperkatakan tentang ibu, saya segera teringat pada puisi Ke Makam Bonda (1955) karya Sasterawan Negara Datuk Usman Awang. Puisi yang sayu dan sarat rindu itu bagi mewakili rasa jiwa sekalian yang bergelak anak terhadap ibu yang sudah tiada.

Dalam kenangan kami melihat Mesra kasih bonda menatap Sedang lena dalam rahap Dua tangan kaku berdakap

Bibir bonda bersih lesu Pernah dulu mengucupi dahiku Kini kurasakan kasihnya lagi Meski jauh dibatasi bumi

Petikan di atas adalah sebahagian daripada puisi Ke Makam Bonda yang memperlihatkan hubungan ibu dan anak tidak pernah terputus sekalipun telah 'jauh dibatasi bumi.' Anak-anak datang menumpahkan rindu yang tidak tertampung selepas kembalinya ibu ke pangkuan Ilahi.

Pusara atau makam yang diangkat dalam puisi ini untuk menunjukkan tinggi duduknya seorang ibu adalah pangkalan terakhir yang terakhir di mata anak-anak. Maka menziarahi pusara adalah melepaskan sarat rindu yang tertanggung selain tanda ingatan yang tidak pernah terpadam.

Demikianlah keramatnya kasih dan sayang ibu yang terus terhubung dengan anak-anak. Pesan ibu terus menjadi penyuluh dan kompas dalam menjalani kehidupan biarpun yang tinggal hanya dua nisan yang kaku berdiri.

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 262 . 17 - 23 MEI 2024

NELAYAN ASING

gugat warga tempatan ➤ 10-11

Perairan negara diceroboh

Tangani 'pembunuh senyap' nelayan Labuan

AZLAN ZAMBRY

Foto: PERBADANAN LABUAN - JEFFREY NIAN

KEDUDUKAN Wilayah Persekutuan Labuan yang strategik dikelilingi laut, kaya dengan ekosistem marin serta industri perikanan yang mampan menarik minat nelayan asing sehingga berani mencerooboh perairan negara sekali gus mengancam sumber pendapatan warga tempatan.

Kehadiran 'tetamu' tidak diundang di perairan Labuan memberi cabaran pelbagai khususnya kepada penangkapan ikan berlebihan dan kemerosotan alam sekitar kepada kebimbangan ekonomi dan keselamatan.

Dilihat bermaharaja lela di perairan Labuan, golongan ini berpotensi menjadi 'pembunuh senyap' dan dikhuatiri mencederakan nelayan tempatan sekiranya merasakan kedudukan mereka terancam.

Salah satu kebimbangan utama yang muncul daripada perbuatan nelayan asing di Labuan adalah penangkapan ikan yang berlebihan. Malah disebabkan oleh peraturan dan langkah penguatkuasaan yang tidak mencukupi, kapal asing sering terlibat dalam amalan penangkapan ikan yang tidak mampan membawa kepada kehabisan stok ikan.

Selain itu, penangkapan yang berlebihan bukan sahaja mengancam mata pencarian nelayan tempatan tetapi juga mengganggu keseimbangan ekosistem marin.

Kaedah penangkapan ikan secara haram antaranya menggunakan letupan dan penggunaan peralatan pemusnah memburukkan alam sekitar dan dibimbangi menyebabkan kemudaratan yang tidak boleh diperbaiki kepada terumbu karang dan habitat penting lain.

Bukan itu sahaja, pencerobohan nelayan asing di perairan Labuan juga memberi kesan ekonomi ketara yang berpotensi mengurangkan pendapatan nelayan tempatan dan menjejaskan kestabilan industri perikanan.

Tidak cukup itu mereka juga mampu mengeksploitasi sumber marin dan menyebabkan negara kehilangan potensi hasil daripada yuran pelesenan dan cukai. Kehilangan pendapatan ini seterusnya menghalang usaha untuk melabur dalam pengurusan perikanan mampan dan inisiatif pembangunan komuniti.

Ancaman paling ketara terhadap sempadan maritim negara khususnya Labuan perlu dilihat luar pertimbangan ekonomi dan alam sekitar, kehadiran nelayan asing menimbulkan risiko keselamatan kepada rantau ini.

Aktiviti penangkapan ikan secara haram mungkin dikaitkan dengan amalan haram lain seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia, dan jenayah lain. Sempadan maritim di sekitar

Labuan menjadikannya terdedah kepada eksploitasi oleh sindiket jenayah. Selain itu, penglibatan kapal asing dalam aktiviti haram menjejaskan kedaulatan undang-undang dan kedaulatan dalam perairan Malaysia, memerlukan langkah penguatkuasaan yang mantap untuk mengekalkan keselamatan maritim.

Tidak dinafikan sama sekali, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) antara agensi penguatkuasa yang terkehadapan melakukan pemantauan dalam menangani ancaman nelayan asing di Labuan. Tidak sekadar APMM, agensi tersebut turut bersama-sama Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan dan beberapa agensi lain berganding bahu menjaga perairan demi kepentingan pemuliharaan sumber kepada nelayan tempatan.

Namun isu berkenaan dilihat rumit dengan pelbagai cabaran dalam penguatkuasaan. Di sebalik usaha yang bersungguh-sungguh, namun ia dilihat terhad, termasuk tenaga kerja dan keupayaan teknologi dalam mengekang keberkesanan rondaan maritim dan usaha pengawasan. Faktor kawasan perairan wilayah yang luas dilihat menyukarkan sedikit pihak berkuasa untuk memantau dan mengawal aktiviti penangkapan ikan secara haram secara menyeluruh.

Dalam usaha untuk menangani ancaman nelayan asing di Labuan dengan berkesan, pihak berkepentingan memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta secara koordinasi. Penguatkuasaan rangka kerja kawal selia dan meningkatkan mekanisme penguatkuasaan adalah penting dan ia melibatkan pelaksanaan hukuman yang lebih ketat untuk aktiviti penangkapan ikan secara haram, meningkatkan rondaan maritim, dan menggunakan teknologi pengawasan termaju seperti sistem radar dan pemantauan satelit.

Inisiatif kerjasama dengan negara jiran untuk berkongsi risikan dan menyelaraskan usaha penguatkuasaan juga perlu untuk memerangi penangkapan ikan haram rentas sempadan dengan lebih berkesan.

Pendekatan diplomatik dengan negara jiran adalah penting dalam usaha menangani faktor asas yang mendorong nelayan asing mencerooboh perairan Labuan. Rundingan dua hala dan pelbagai hala boleh memupuk kerjasama dalam memerangi penangkapan ikan secara haram selain menggalakkan keselamatan maritim serantau dan ia berupaya untuk memastikan situasi lebih selamat kepada nelayan tempatan untuk mencari rezeki.



Sempadan maritim luas sukarkan pemantauan

WALAUPUN rondaan berkala dilakukan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Labuan dan agensi lain, isu nelayan asing yang tidak berkesudahan di perairan berkenaan boleh dikaitkan dengan beberapa faktor antaranya wilayah maritim yang luas menjadikannya lebih mencabar bagi agensi penguatkuasaan untuk memantau dan mengawal seluruh kawasan dengan berkesan.

Kawasan perairan yang luas meningkatkan kemungkinan kapal asing masuk tanpa dikesan atau terlibat dalam aktiviti haram di kawasan terpencil di mana rondaan mungkin kurang kerap.

Selain itu, agensi penguatkuasaan sering menghadapi kekangan dari segi tenaga kerja, bajet dan keupayaan teknologi yang mungkin menghalang kekerapan dan keberkesanan rondaan sekali gus sukar mengekang aktiviti penangkapan ikan secara haram tanpa kawalan. Operasi penangkapan ikan haram yang canggih dengan kelengkapan teknologi dilihat berkeupayaan mengatasi kemampuan penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan.

Aktiviti tersebut selalunya melibatkan rangkaian tersusun yang bukan sahaja terdiri daripada nelayan tetapi juga orang tengah, pembekal peralatan menangkap

ikan haram dan pembiaya. Rangkaian ini mungkin beroperasi merentasi sempadan, menyukarkan agensi penguatkuasa untuk mengganggu aktiviti mereka dengan berkesan. Selain itu, tidak dinafikan bahawa kelicikan penjenayah ini menyebabkan isu ini terus menghantui nelayan tempatan.

Dalam masa yang sama mereka berjaya mengelak daripada dikesan dan seringkali memintas penguatkuasa. Dengan menggunakan peralatan canggih, mereka boleh menukar lokasi memancing untuk menyembunyikan aktiviti tersebut atau mengeksploitasi kelemahan peraturan. Inovasi dan penyesuaian berterusan diperlukan untuk terus mendahului operasi penangkapan ikan haram dan memeranginya dengan berkesan.

Meskipun kekerapan rondaan agensi penguatkuasa maritim negara dipertingkatkan, sempadan maritim negara yang sering bolos boleh dikaitkan dengan penguatkuasaan longgar terhadap peraturan perikanan di negara jiran yang mendorong nelayan asing berani mencerooboh perairan Labuan bagi mencari kawasan penangkapan ikan yang menguntungkan.

Tanpa usaha yang diselaraskan dalam kalangan negara jiran untuk memerangi penangkapan ikan secara haram, langkah



penguatkuasaan dalam bidang kuasa Labuan sahaja mungkin tidak mencukupi untuk menangani isu tersebut secara menyeluruh.

Selain itu terdapat permintaan tinggi untuk hasil laut, di dalam dan di luar negara mewujudkan insentif ekonomi untuk aktiviti penangkapan ikan secara haram. Nelayan asing mungkin menyasarkan perairan Labuan kerana sumber marin yang banyak selain hasil tangkapan lumayan.

Mata pencarian terus 'dirompak'

PENCEROBOHAN

nelayan asing khususnya dari Filipina sehingga ke kawasan persisiran pantai dan 'merompak' sumber laut Labuan menimbulkan kebimbangan kepada nelayan tempatan yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Labuan Selatan (Penawan), **Hassan Jinin** berkata walaupun pihak berkuasa seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan kerap melakukan rondaan, namun mereka masih lagi berani memasuki perairan Labuan sehingga kurang tiga batu nautika dari persisiran pantai.

"Mereka ini licik dan berbahaya kerana ada dalam kalangan mereka melakukan pengeboman ikan untuk mengaut hasil dari perairan kita.

"Malah mereka juga dilihat berani melakukan aktiviti tersebut meskipun berada tidak jauh daripada kumpulan nelayan tempatan lebih-lebih lagi apabila mengetahui bot penguatkuasa beredar," katanya kepada Wilayahku.

Jelas Hassan, kebanyakan nelayan asing ini menggunakan *pump boat* yang telah diharamkan oleh pihak berkuasa negara ini.

"Sebenarnya sudah lama



HASSAN

penggunaan *pump boat* ini diharamkan kerana ia tidak mengundur dan hanya akan ke hadapan, malah jika ada halangan mereka akan langgar kerana tidak boleh *reverse*," katanya.

Menurut Hassan, pihaknya juga telah berbincang dengan APMM

mengenai masalah dan menerusi mesyuarat yang dijalankan, pihak berkuasa minta supaya masalah ini diberi perhatian berkenaan sepanjang aktiviti penangkapan ikan dijalankan.

"Setakat hari ini, pihak APMM selaku pihak berkuasa yang menjalankan penguatkuasaan turut lakukan pemantauan khususnya di kawasan nelayan tempatan melakukan aktiviti penangkapan ikan, tetapi nelayan asing ini licik kerana apabila sudah tiada bot penguatkuasa itu, mereka akan datang dan sekiranya ada kelibat bot penguatkuasa, mereka akan melarikan diri.

"Mereka juga turut mengganggu kawasan tumpuan nelayan tempatan selain turut menjalankan aktiviti bom ikan menyebabkan nelayan tempatan tidak berani menegah kerana khuatir dengan keselamatan diri," katanya.

Kata beliau kehadiran nelayan asing ini turut merosakkan peralatan penangkapan ikan khususnya bubu

yang dipasang di kawasan-kawasan tumpuan yang kebiasaannya telah ditanda oleh nelayan tempatan di dalam radius tiga batu nautika dari persisiran pantai.

"Mereka ada menggunakan bot nelayan pukat tunda yang tidak sesuai digunakan di persisiran pantai yang merosakkan tukun-tukun nelayan yang dibuat sendiri oleh nelayan tempatan, mereka akan tarik dan rosakkan.

"Mereka juga akan menghilangkan bubu dan baru-baru ini ahli nelayan saya ada mengadu kerana bubu yang diletakkan di beberapa kawasan di laut sebanyak 22 unit apabila diangkat hanya tinggal tiga unit sahaja dikhuatiri ditarik bot pukat tunda tersebut," katanya.

Justeru itu, Hassan berkata masalah berkenaan menjadi semakin serius dan semua pihak di Labuan telah menjalankan tugas dengan baik, namun pencerobohan tetap berlaku.

"Kita faham kerana pihak APMM tidak boleh menjaga kawasan nelayan secara berterusan kerana mereka perlu melakukan pemantauan di kawasan lain.

"Namun pada masa sama, pihak berkepentingan juga perlu mencari jalan supaya mata pencarian nelayan tempatan tidak terus dirompak nelayan asing yang selama ini telah mengancam keselamatan nelayan tempatan," katanya.





PENGUNJUNG yang terdiri daripada pemain industri menaiki kenderaan perisai dan mencuba senjata yang dipamerkan pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2024.

DSA 2024 satukan pemain industri pertahanan

SYUQREE DAIN
Video: **HASIF HALIMI**

PAMERAN Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2024 dan Keselamatan Negara (NATSEC) Asia 2024 menjadi pentas mempamerkan teknologi serta aset peperangan tercanggih di dunia dalam sektor pertahanan darat, udara dan laut. Memasuki edisi ke-18, acara dwitahunan yang mula dianjurkan pada tahun 1988 itu melibatkan 1,324 syarikat pempamer yang terdiri daripada 1,161 pempamer antarabangsa dan 163 pempamer tempatan selain membabitkan 60 buah negara antaranya Turkiye, China, UAE, Itali dan Amerika Syarikat.

Bertemakan Membina Ketahanan Negara Untuk Generasi Masa Hadapan, ia merupakan platform untuk membina jaringan serta menyatukan semua pemain industri pertahanan dari seluruh pelosok dunia selain memupuk diplomasi pertahanan antara negara serantau.

Sepanjang acara tersebut, Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) berjaya menandatangani 40 dokumen bernilai RM7.3 bilion dan antara pameran yang mencuri tumpuan pengunjung ialah replika dron atau kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) buatan Iran, Shahed-149, dikenali dengan nama GAZA sebagai menghargai perjuangan penduduk Gaza terhadap rejim Zionis.

Pameran terbesar di Asia yang berlangsung pada 6 hingga 9 Mei lalu di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) itu merupakan anjuran bersama MINDEF dan Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ia turut menjadi lokasi pertemuan utama bagi pengeluar, pembekal, agensi dan organisasi bertukar pendapat, membina kesefahaman serta kerjasama ini turut disertai oleh syarikat-syarikat gergasi tempatan iaitu Advance Defense Systems, DRB Hicom Defence Technologies (DEFTECH), Nadicorp, MILDEF International Technologies, Mindmatics Sdn Bhd, Sapura Secured Technologies dan Weststar Group.



Belajar tanpa bebanan kewangan

UCMI tawar program diiktiraf seluruh dunia

SEBAGAI sebuah institusi pengajian tinggi yang dimiliki penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) boleh dikatakan pelopor kepada program kejururawatan milik swasta pertama di Malaysia.

Menerusi rekod yang dipegang, UCMI telah menghantar seramai 35 graduan muda Diploma Kejururawatan menjadikan institusi itu setanding institusi perubatan antarabangsa lain. Malah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan UCMI turut diperakui di serata dunia dan program tersebut telah dilesenkan dan bakal digunakan di Indonesia dan China.

Dalam temubual bersama Wartawan Kanan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY**, Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif UCMI, **PROFESOR DR WAN MOHD AZIZI WAN SULAIMAN** menzahirkan harapan bahawa UCMI mampu mengubah nasib anak-anak asnaf sekali gus mendidik mereka untuk menyumbang semula kepada ummah.

Boleh ceritakan tentang sejarah UCMI?

UCMI asalnya adalah satu unit kejururawatan di bawah Hospital Pusrawi di mana pada ketika itu memikirkan MAIWP perlu ada satu unit atau latihan untuk melahirkan jururawat. Perbincangan untuk menubuhkan kolej dan sudah ada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) maka Kolej Antarabangsa Pusrawi Sdn Bhd atau PICOMS berjaya ditubuhkan yang menawarkan pengajian dalam bidang Fisiologi, Terapi Cara Kerja, Farmaseutikal, Pembantu Perubatan dan Kejururawatan.

Kini sudah diperingkat akhir untuk mendapatkan penarafan sebagai universiti penuh dan telah melalui beberapa sesi temuduga. Dokumen berkaitan telah dihantar untuk dinilai pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA selain sedang menunggu penuh untuk dijenamakan sebagai Universiti MAIWP International (UMI).

UCMI merupakan universiti wakaf, adakah operasinya mengambil model Universiti Al-Azhar?

Apabila bakal menjadi universiti penuh ini, pihak MAIWP meletakkan peruntukan yang besar di dalam bidang pendidikan iaitu lebih RM300 juta menerusi kutipan zakat dan disalurkan ke dalam pendidikan.

Sebagai universiti, kami bertuah kerana sumber daripada zakat digunakan pelajar-pelajar kami. Ketika ini kami mempunyai 4,000 pelajar dan sejumlah 80 peratus menerima bantuan atau biasiswa daripada MAIWP dalam bentuk elaun sara diri tunai. Asrama dan pengangkutan adalah percuma. Malah ada sebahagian pelajar ini turut mendapat biasiswa dengan MAIWP sendiri membayarkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Untuk menjadi universiti wakaf ini, kami mengambil model daripada Universiti Al-Azhar di Mesir dan Universiti Al-Qarawiyyin di Maghribi dan itulah hasrat kita.

Kita turut berhasrat melaksanakan perkara itu dan kini mempunyai pelajar peringkat

Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dan ada pengkhususan di dalam bidang Sains Kesihatan dan UCMI adalah universiti wakaf yang berteraskan Sains dan Sains Kesihatan.

Setakat hari ini, berapakah penuntut di dalam bidang kejururawatan di UCMI?

Kita mempunyai 300 pelajar di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda pula 60 pelajar. Kami telah membuat Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 10 buah universiti China untuk melesenkan program kejururawatan UCMI di China.

Graduan di 10 universiti terbabit akan dianugerah sijil dan diploma yang dilesenkan UCMI. Saya telah bertemu dengan beberapa pihak di Indonesia dan program ini turut akan dilesenkan di negara tersebut kerana mereka menghadapi lambakan 200,000 jururawat.

Malah graduan kami mendapat permintaan di banyak negara. Contohnya kita baru hantar seramai 35 orang graduan diploma bekerja di Jerman dan kini memperolehi pendapatan yang lumayan melebihi RM15,000 sebulan.

Ada juga yang bekerja di Jepun. Saya masih ada dua perjanjian yang akan ditandatangani dengan hospital di Singapura dan Australia.

Adakah graduan UCMI menyumbang semula ke dalam sistem wakaf yang dibangunkan?

UCMI juga menubuhkan unit khusus yang menyelaras dan menyelia urusan berkaitan wakaf yang dinamakan sebagai TAWFEQ atau singkatan kepada Tabung Amanah Wakaf, Endowment dan Infaq yang menyelaras semua aktiviti pengumpulan dana termasuk sumber zakat, wakaf, infaq, wakalah juga dari sumber am yang telah bermula dua tahun lalu dan berjaya mengumpul RM2 juta.

Kita menggalakan mana-mana pihak khususnya alumni, pelajar dan ibu bapa serta kakitangan UCMI untuk menyumbang di dalam TAWFEQ dan kita berjaya mengumpul RM100,000 hingga RM200,000

Adakah pihak UCMI turut memperluaskan peluang kepada pelajar bukan Islam?

UCMI sentiasa membuka pintu kepada seluruh pelajar dari pelbagai bangsa dan agama untuk sama-sama belajar dan memanfaatkan peluang dan kemudahan institusi kami.

Apa rancangan UCMI itu dalam menyediakan pengajian yang kondusif untuk pelajar?

Dalam blueprint strategik MAIWP, 2022 - 2025 jelas bahawa UCMI akan menjadi univeriti penuh dan ada rancangan untuk mempunyai kampus tetap malah MAIWP mempunyai beberapa tanah yang strategik yang boleh dibangunkan.

Ketika ini kampus UCMI berada di beberapa lokasi iaitu Kampus Utama di Batu Muda, ada dua blok yang boleh menempatkan 3,000 pelajar. Kita juga ada Kampus Bandar, di Jalan Tangsi yang boleh menempatkan 2,000 pelajar dan Kampus Klinik di Jalan Ipoh, itu berhampiran dengan bangunan Perkim yang lama.

Selain itu kolej kediaman juga ada di Kampung Bharu dan di Batu Muda.

Bagaimana untuk menarik lebih ramai anak-anak asnaf melanjutkan pengajian di UCMI?

Kita perlu beri kesedaran untuk mereka sambung belajar dan peringkat jangka panjang kena ada karier yang boleh membangunkan kualiti hidup menerusi Diploma, Ijazah mahupun T-VET untuk bekerja.

Cabaran tidak minat belajar dan kurang kesedaran ini yang perlu ditangani bersama.

Kita juga hendak mencari anak-anak asnaf lain dari seluruh negara untuk memberikan skim bantuan MAIWP yang berminat menyambung pengajian. Kita juga hendak uar-uarkan bahawa anak-anak asnaf boleh belajar di UCMI tanpa beban kewangan. Pelajar hanya perlu datang dan membayar wang pendaftaran sebanyak RM200 dan lain-lain kos ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP.

Selain itu, kita juga mempunyai 200 pelajar daripada Labuan yang dibawa ke kampus ini dan kesemuanya ditanggung sepenuhnya termasuk tiket penerbangan pergi dan balik. Malah kumpulan pelajar ini juga dijadikan pemudah cara bagi pihak

UCMI untuk meyakinkan ibu bapa di Labuan supaya menghantar anak mereka menyambung pengajian di sini.

Berapa ramai pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di UCMI ketika ini?

Kita sudah ada 120 pelajar antrabangsa daripada Palestine yang kini mengikuti peringkat Sarjana dan PhD di dalam kejururawatan. Selain itu Bangladesh, Kemboja dan Mindanao.

Kita juga baru sahaja memulakan pengajian pasca siswazah pada tahun 2021 dan dalam tempoh tiga tahun ini sekarang ini sudah ada 60 pelajar.

Untuk menjadi universiti penuh, setiap universiti memerlukan program penyelidikan termasuk di UCMI yang melakukan penyelidikan di peringkat Sarjana dan PhD. Untuk pengetahuan juga, pada tahun lalu, dua pensyarah kami telah memenangi geran penyelidikan daripada KPT bernilai RM300,000.

Dari segi kualiti pensyarah UCMI, berapa ramaikah yang mempunyai PhD?

Mengikut ratio, dalam bilangan pensyarah, sekurang-kurang 30 peratus mestilah mempunyai PhD. Untuk UCMI, kita mempunyai lapan orang Profesor, PhD 25 orang dan kualiti sangat tinggi kerana UCMI amat *strict* mengenai kualiti termasuk mempunyai enam pensyarah yang berasal dari Iraq, Yaman, Bangladesh dan Myanmar di dalam bidang farmasi.

Selain itu, kita juga mempunyai Profesor Khair (Khidmat, Amal, Ilmuan dan Rahmat) atau Profesor Kehormat seramai lima orang yang mempunyai kepakaran di dalam bidang Farmasi, Kejururawatan, Perhotelan. 





ZALIIHA menerima kunjungan hormat delegasi Majlis Belia Wilayah Persekutuan (MBWP) di Putrajaya pada Selasa.

Anak muda segmen penting pembangunan masyarakat

GOLONGAN belia merupakan segmen yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat serta bakal pemimpin masa depan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata sejak beliau terlibat dalam dunia politik dan kini sebagai menteri, kumpulan anak muda sentiasa menjadi keutamaannya.

“Pada saya, belia merupakan segmen yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat memandangkan komposisi mereka menghampiri 50 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia.

“Tambahan lagi, mereka ini merupakan bakal pemimpin masa depan negara kita,” katanya dalam satu kenyataan.

Malah Zaliha menambah, selain tumpuan diberikan kepada belia-belia berpersatuan, tumpuan kepada belia tidak berpersatuan juga perlu diberi penekanan.

Zaliha berkata Sidang Belia Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan akan memberi tumpuan kepada perbincangan isu-isu di Wilayah Persekutuan mengikut kluster yang telah ditetapkan.

“Saya teruja untuk mendengar dan meneliti semua pandangan-

pandangan dan perbincangan yang akan diutarakan oleh ahli-ahli Sidang Belia Wilayah Persekutuan Julai nanti terkait kluster-kluster yang ditetapkan.

“Saya menjemput semua belia berusia 18 hingga 35 tahun yang bermastautin di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk mendaftar sebagai ahli Sidang Belia Wilayah Persekutuan melalui laman web <http://sidangbeliawp.my/>.

“Kepada semua belia, khususnya di Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan Selamat Hari Belia Negara 2024,” kata beliau. 

Pemimpin masa hadapan

Ajak belia hayati makna nasionalisme

SABRINA SABRE

BELIA merupakan aset negara kerana di bahu merekalah kemajuan, kepimpinan, pendidikan, agama dan disiplin akan diletakkan pada masa akan datang. Malah mereka jugalah nanti yang akan menjadi pemimpin. Maka sangatlah perlu seorang belia itu berpendidikan tanpa mengira dari mana asal usulnya.

Menurut Timbalan Menteri Belia dan Sukan, **Adam Adli Abd Halim**, golongan belia perlu memiliki integriti, harga diri dan maruah yang tinggi untuk muncul sebagai sebuah bangsa yang tidak kalah, tahan cabaran dan yakin dengan kebolehan diri sendiri.

“Selaras dengan tema Hari Belia Negara 2024 ‘Yakin Boleh’ golongan belia sering disebut sebagai pemimpin masa depan sesebuah negara yang mempunyai potensi besar untuk mempengaruhi hala tuju dan kekuatan sentimen nasionalistik.

“Dengan tenaga, semangat dan idealisme mereka, golongan muda mempunyai kuasa untuk memberi inspirasi kepada perubahan, menyatukan masyarakat dan membina rasa kekitaan bersama dalam sesebuah negara.

“Yakin Boleh memberikan satu makna besar untuk dihayati oleh golongan belia kerana ia bukan sahaja menanamkan semangat kepada mereka untuk percaya pada bakat dan potensi masing-masing tetapi juga mengajak golongan ini kembali untuk menghayati makna nasionalisme yang lebih luas selari dengan teknologi yang telah mengubah cara berfikir, cara kehidupan dan cara bekerja,” katanya selepas merasmikan



GOLONGAN belia perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi pelbagai cabaran pada masa hadapan.

Program Semarak Hari Belia Negara @ Kementerian Belia dan Sukan (HBN @ KBS) 2024 pada Rabu.

Hadir sama Ketua Setiausaha KBS, Ts Dr Nagulendran Kangaytkarasu dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Mohd Azhari

Mohammad.

Dalam pada itu, Adam Adli berkata HBN merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan oleh kerajaan kepada belia untuk memperkukuhkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara.

“Ia sekali gus memperluaskan akses belia kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).

“Program Semarak HBN @ KBS 2024 diadakan bersempena Hari Belia Negara yang disambut pada 15 Mei setiap tahun sarat dengan pelbagai pengisian termasuk Bacaan Ikrar Belia Malaysia, Konvensyen Belia Integriti Nasional dan aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda.

“Konvensyen Belia Integriti Nasional dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM)

berkenaan diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang. Konvensyen ini juga menyentuh mengenai pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan serta sistem dan proses kerja yang mematuhi amalan terbaik,” ujarnya.

Selain itu, beliau berkata KBS turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk melaksanakan bacaan Ikrar Belia Malaysia di seluruh institusi pendidikan di bawah pentadbiran masing-

masing yang mana melibatkan belia berumur 15 hingga 30 tahun serentak di seluruh negara.

“HBN akan diteruskan di peringkat negeri bermula pada 17 hingga 19 Mei 2024 dengan diisi oleh Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Negeri.

“Seterusnya, kemuncak sambutan HBN penganturan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan pula akan diadakan pada 24 hingga 26 Mei 2024 di Dataran Pahlawan, Banda Hilir, Melaka manakala majlis perasmian akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 25 Mei ini,” ujar beliau. 



ADAM ADLI

Media sosial platform 'berkuasa' pengguna

HAZIRAH HALIM

PEREDARAN arus teknologi yang pantas masa kini menyaksikan media sosial mempunyai pengaruh luar biasa sekali gus membawa perubahan yang ketara dalam bidang perniagaan.

Pemasaran digital menjadi pilihan malah platform e-dagang menerusi pelbagai aplikasi media sosial seperti *TikTok*, *Instagram* dan *Shopee* dilihat sebagai salah satu medium berkuasa yang mampu menarik perhatian pelanggan.

Malah ketika negara dilanda pandemik COVID-19, kita dapat menyaksikan orang ramai mula beralih kerjaya sebagai peniaga dalam talian dan sehingga ke hari ini ia merupakan platform yang pantas dan berkesan.

Perkara ini turut diakui oleh peniaga peralatan elektronik menerusi *affiliate TikTok*, **Muhammad Faiq Izaan Alias** bahawa perniagaan menerusi media sosial adalah strategi tepat untuk komunikasi secara terus dengan pelanggan.

"Perniagaan secara fizikal dan dalam talian kedua-duanya mempunyai kelebihan. Tidak dinafikan, ada jenis barang yang

perlu didapatkan secara fizikal tetapi trend terkini dalam perniagaan adalah menjurus kepada bisnes dalam talian.


"Saya melihat perniagaan dalam talian adalah lebih kepada penjualan barangan lain yang sukar didapati di pasaran serta cara pembeliannya juga memudahkan masyarakat.

"Mereka tidak perlu pergi ke kedai sebaliknya hanya memerlukan telefon bimbit selain harga pula memang berbeza misalnya kalau secara fizikal kita dapat harga yang telah ditetapkan oleh pihak kedai tetapi dalam talian kita boleh memiliki bawcar atau promosi penghantaran percuma mahupun sesi tawar

menawar ketika sesi siaran langsung (*live*)," katanya.

Sungguhpun begitu, ramai yang mengakui bahawa perniagaan secara dalam talian ini sedikit sukar kerana ia memerlukan daya kreativiti yang tinggi terutama ketika melakukan penjualan serta ingin mendapatkan keyakinan pelanggan.

Justeru itu, Faiq yang berpengalaman dalam bisnes tersebut berkata strategi atau teknik penjualan dan pemasaran berkesan adalah penting untuk membantu para peniaga terus



PERNIAGAAN menerusi media sosial adalah strategi tepat untuk komunikasi secara terus dengan pelanggan.

kekal berkembang dalam platform tersebut.

"Hendak kekal dalam platform ini bukan mudah misalnya seperti di *TikTok*, jika kita mahu orang mengenali barang kita, maka perlu buat siaran *live* atau konten baharu setiap hari supaya ia boleh naik di paparan skrin orang ramai (*fyp*).

Selain itu, para peniaga juga perlu faham tentang waktu puncak penjualan dan pembelian di mana hasil pemerhatian saya, waktu tersebut adalah ketika promosi

tarikh 5.5 atau hari gaji.

"Peniaga juga perlu faham kerenah pelanggan kerana ada jenis yang suka menyentuh barang secara fizikal tetapi bagi platform dalam talian, *review* adalah kekuatan untuk mereka melihat kualiti barangan tersebut sebelum membeli," jelasnya.

Justeru itu, Faiq menyarankan orang ramai yang berkeinginan untuk menceburi bidang perniagaan dalam talian untuk mendapatkan ilmu terlebih dahulu tentang teknik

penjualan bagi menarik perhatian pelanggan.

"Jika mereka adalah orang baharu dalam bisnes ini, lihat terlebih dahulu bagaimana cara peniaga lain memasarkan produk dan jika melakukan jualan secara *live*, tengok cara mereka berinteraksi, penggunaan ayat dan sebagainya kerana hal ini penting untuk menarik perhatian dan keyakinan pelanggan di samping boleh membantu meningkatkan keuntungan jualan," katanya. 

Sila bersabar Cef OKU 'bersilat' di dapur

IBARAT peribahasa 'secupak takkan jadi segantang' kehilangan sebelah mata bukan penghalang buat **Mohamad Farid Mohamad Rasidi** untuk memanfaatkan bakat memasak yang dimiliki bagi mencari nafkah menyara keluarga.

Bapa kepada empat orang cahaya mata yang lebih dikenali sebagai chef OKU mempertaruhkan beberapa menu masakan dari Maghribi dan Beijing di sebuah restoran yang diusahakan bersama isteri, Siti Nur Zawani Najlaa Abdul Hamid, 40.

Terletak di Kampung Semarang, restoran yang didaftarkan sebagai Dina Corner itu mula beroperasi pada tahun 2011 enam tahun selepas dia kehilangan sebelah deria penglihatan akibat kemalangan di tempat kerja.

Dengan hanya menggunakan sebelah mata yang diakui agak membataskan penglihatan, Mohamad Farid, 51, tidak kekuk 'bersilat' di dapur bagi menyiapkan tempahan yang diterima daripada pelanggan setia.

Rata-rata pelanggan setianya sudah maklum dan memahami nota yang ditampal di restorannya iaitu 'Sila bersabar, chef OKU'.

"Hanya yang boleh bersabar

sahaja masih datang kedai saya. Pernah dulu masa baru-baru meniaga, saya hampir kena pukul dengan pelanggan kerana terlalu lama menunggu pesanan makanan.

"Sejak insiden itu, saya ambil iktibar dan memantapkan kecekapan memasak demi kepuasan pelanggan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sesekali ketika memasak Mohamad Farid akan berhenti seketika untuk menekup mata kiranya yang tidak berfungsi itu dengan tuala basah bagi memastikan deria berkenaan tidak terlalu lama terdedah kepada suhu panas dapur memasak.

"Mata saya yang buta ini sudah tidak ada harapan untuk sembuh sebab impak batu yang jatuh ketika saya sedang bekerja menyebabkan dinding di belakang soket mata rosak. Mata kanan saya pula tidak berapa okey, kalau perasan ia agak tersembul sebab saya disahkan menghidap tiroid pada 2014.

"Dugaan ini tak melemahkan saya. Siapa sangka daripada hobi mencuba masakan yang saya gemari ketika bertugas di luar negara kini jadi mata pencarian saya," kata anak kelahiran Klang, Selangor itu.

Berkongsi menu masakan air



MOHAMAD FARID memanfaatkan bakat walaupun menggunakan sebelah mata.

tangannya, Mohamad Farid berkata semua menu berasaskan nasi bukan nasi biasa sebaliknya nasi herba yang dimasak menggunakan beras wangi dan campuran beberapa jenis herba.

"Resepi ini dari Beijing. Saya sangat suka makan nasi herba, jadi saya cuba memasak selepas sering makan nasi herba ketika saya bertugas di Beijing.

"Yang seronoknya, bila saya sediakan nasi goreng atau nasi ayam guna nasi herba, pelanggan tidak merungut tetapi mereka suka kerana nasi ini wangi dan menyelerakan," katanya yang

bekerja dalam bidang kejuruteraan dan teknikal paip serta saliran di sebuah syarikat swasta.

Beliau berkata resipi nasi herba itu 'menjadi' setelah dua tahun mencuba memasaknya sehingga yakin dan berpuas hati dengan rasa juadah itu.

Antara 35 menu yang menjadi kegemaran pelanggan ialah ayam masak Beijing, ayam masak halia campur (gaya China), mi sizzling ayam, mi tarik, mi suah dan sup claypot marmosa (resipi dari Maghribi).

"Menu di restoran saya ini bermula pada harga antara RM2

dan RM16. Harga ini sesuai dengan kawasan kampung. Tetapi untuk pelanggan OKU, saya tidak kenakan bayaran. Mereka boleh datang makan secara percuma," katanya yang turut membuka peluang kepada anak tempatan serta golongan OKU yang memerlukan pekerjaan untuk mencari pengalaman di restorannya.

Berkongsi bagaimana menjalani kehidupan sebagai usahawan OKU, Mohamad Farid berkata sehingga ke saat ini dia masih mendapatkan khidmat kaunseling secara berkala daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Mereka (kaunselor) kerap berkunjung ke sini, kadang-kadang saya tak tahu yang pelanggan saya itu ialah kaunselor JKM. Dia datang, *order* (pesan) makanan macam pelanggan lain. Rupanya dia memerhatikan gerak-geri saya serta cara saya layan pelanggan untuk nilai tahap emosi saya," katanya.

Mengenai bantuan dan sokongan dalam mengusahakan restoran itu, dia berkata pihak Lembaga Zakat Selangor amat prihatin serta sentiasa memantau perkembangan perniagaan manakala JKM memantau emosinya melalui khidmat kaunseling. - BERNAMA



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Forum Ekonomi Qatar (QEF) 2024 dan berpeluang berada di pentas utama dalam sesi bertajuk "In Conversation with the Prime Minister of Malaysia".



TIMBALAN Perdana Menteri, Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof ketika merasmikan Persidangan Hidrogen Hijau ASEAN 2024 di Kuala Lumpur.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat dari Majlis Belia Wilayah Persekutuan (MBWP).



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zamry Abdul Kadir mengadakan pertemuan dua hala dengan PYT Buthaina bint Ali Al Jabr Al Nua'im, Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi Qatar di pejabat beliau.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil pada Majlis Pra Pelancaran Rangka Kerja Perkongsian Rangkaian dan Infrastruktur.



MENTERI Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad ketika menyaksikan perlawanan pertama aksi Liga Super antara KL City FC menentang Kuching City di Stadium KLFA.

Bengkel Usahawan Ummah

Tarik minat suri rumah

HAZIRAH HALIM

BENGKEL Usahawan Ummah mengetengahkan perkongsian kaedah membina pemikiran dan menetapkan matlamat serta teknik pemasaran usahawan.

Program anjuran Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Tioman 1 dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) membantu suri rumah menceburi bidang keusahawanan.

Pengurus Pembangunan Usahawan DSY Consultant, **Md Ibrahim Mahmud** berkata program tersebut bertujuan membantu mereka menjana pendapatan sendiri.

"Alhamdulillah, semua yang hadir dalam kalangan suri rumah berumur 30 hingga 60 tahun menunjukkan respons yang sangat positif.

"Mereka tidak hanya menunjukkan minat tetapi teruja

mahu mendapatkan bimbingan selain aktif bertanyakan soalan tentang bidang keusahawanan.

"Dengan itu, saya percaya bahawa mereka boleh berkembang maju dalam bidang ini jika adanya timbul rasa ingin tahu, belajar dan minat yang mendalam," katanya.

Memfokuskan tentang pendedahan ilmu keusahawanan dalam kalangan suri rumah, beliau berkata ia seiring dengan usaha untuk menarik minat mereka berniaga terutama pada masa terluang.

"Suri rumah adalah golongan yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam industri keusahawanan terutama melibatkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dalam masa sama, ia juga boleh membantu mewujudkan lebih ramai lagi kumpulan usahawan dalam komuniti setempat," katanya.

Jelasnya program tersebut menggunakan teknik Bengkel Zero Cost Marketing yang membolehkan usahawan mengaplikasikan teknik pemasaran tanpa modal dengan hanya menggunakan telefon bimbit sedia ada untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi setiap hari, mereka berpotensi mendapat keputusan jualan segera walaupun hanya berniaga dari rumah.

"Pemasaran sangat penting kerana dengan teknik yang betul ia mampu menjana keuntungan selain mampu bertahan lama," jelasnya bercadang untuk meneruskan bengkel siri kedua di PPR tersebut.

Terdahulu, Bengkel Usahawan Ummah diadakan di Dewan Prepkom PPR Seri Tioman 1 dan ia merupakan bengkel usahawan pertama yang diadakan di PPR tersebut. 



ILMU keusahawanan dalam kalangan suri rumah menarik minat golongan tersebut berniaga.



PESERTA bergambar selepas sesi taklimat dan perkongsian amalan terbaik.

SPAN mahu realisasi pemerikasaan air

SURUHANJAYA Perkhidmatan Air Negara (SPAN) komited merealisasikan pemerikasaan aspek integriti dalam industri perkhidmatan air menerusi kerjasama dengan para pemegang lesen.

SPAN berkata sebagai sebuah badan kawal selia, pihaknya mendapati terdapat keperluan untuk mengkaji semula inisiatif-inisiatif sedia ada melalui pelaksanaan Rangka Kerja Integriti dan Anti-Rasuah Bagi Pemegang Lesen dan Agensi Perakuan Industri Perkhidmatan Air dalam memerangi rasuah.

"Dengan penumpuan masa kini terhadap memperkasa aspek Environment, Social and Governance (ESG), semua pihak sewajarnya menilai dan memberi lebih perhatian khususnya terhadap amalan serta pelaksanaan berkaitan dengan elemen tatakelola (*governance*)," jelas SPAN dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, SPAN memberitahu pihaknya telah menganjurkan satu sesi taklimat dan perkongsian amalan terbaik bersama Anggota Suruhanjaya serta pemegang lesen dan agensi perakuan di Ibu Pejabat SPAN baru-baru ini.

Taklimat tersebut dihadiri oleh

Pengerusi SPAN, Charles Santiago bersama Anggota Suruhanjaya, Ketua-Ketua Integriti serta wakil pengurusan Pemegang Lesen dan Agensi Perakuan.

"Taklimat itu diadakan untuk membincangkan arah tuju industri susulan pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2029 (NACS) yang baru sahaja dilancarkan bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP).

"Selain daripada taklimat oleh Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko SPAN, perkongsian amalan terbaik turut disampaikan oleh dua ketua integriti masing-masing daripada Indah Water Konsortium Sdn Bhd dan Pengurusan Aset Air Berhad selain Ketua Pegawai Eksekutif, The Centre To Combat Corruption and Cronyism (C4), Pushpan Murugiah turut memberikan perkongsian berhubung isu konflik kepentingan," katanya.

Menurut SPAN, taklimat rangka kerja serta perkongsian amalan terbaik diyakini akan dapat membantu pemegang lesen untuk memantapkan lagi usaha dan inisiatif sedia ada ke arah pemantapan agenda integriti di organisasi masing-masing daripada sebarang potensi ketirisan. 

KPWKM terima pengiktirafan PBB sempena perkongsian amalan baik

PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi pengiktirafan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di atas perkongsian amalan terbaik bertemakan Keluarga dan Perubahan Iklim (*Families and Climate Change*).

Pengiktirafan itu diberikan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-30 Hari Keluarga Antarabangsa 2024 di New York, Amerika Syarikat pada 15 hingga 16 Mei.

KPWKM dalam satu kenyataan

memaklumkan, pengiktirafan diberikan di atas keprihatinan dalam memperkasakan keluarga melalui pendidikan dan advokasi dalam menangani tindakan iklim secara berkesan.

"Tanpa tindakan drastik, impak perubahan iklim akan menjadi semakin sukar ditangani dan memberi dampak yang besar kepada keluarga. Impak negatif tersebut boleh mempengaruhi aspek kesihatan dan kesejahteraan keluarga melalui peningkatan pencemaran, perubahan cuaca melampau seperti banjir dan kemarau yang mampu mengakibatkan gangguan ekonomi

ke atas industri pertanian, kehilangan tempat tinggal dan pekerjaan ahli keluarga.

"Justeru itu, komponen keluarga telah diambil kira di bawah agenda pembangunan negara (Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua Belas RMKe-12) yang bertujuan menangani isu semasa bagi merangsang pembangunan sosioekonomi Malaysia demi kelestarian dan kemakmuran jangka panjang," katanya.

Kenyataan tersebut turut memberitahu, sempena ulang tahun ke-30 HKA ini, KPWK melalui LPPKN dengan kerjasama International Federation for

Family Development (IFFD), UNDESA dan Doha International Family Institute (DIFI) telah melaksanakan prasambutan HKA pada 28 dan 29 Februari lalu dengan penganjuran Mesyuarat Kumpulan Pakar Rantau Asia (Regional Expert Group Meeting).

Katanya, ia disusuli dengan forum antarabangsa bertemakan Hubungan Keluarga dan Megatrend Antara Migrasi, Trend Demografi dan Perubahan Iklim (Families and Megatrends Interlinkages between Migration, Urbanisation, New Technologies, Demographics Trends and Climate

Change).

Dalam pada itu, KPWK berkata pelbagai inisiatif turut dilaksanakan bagi menyokong dan mengukuhkan institusi keluarga serta mewujudkan persekitaran yang menyokong perkembangan institusi kumpulan berkenaan.

"Antaranya menerusi penggubalan Dasar Mesra Keluarga yang memberi tumpuan kepada nilai kekeluargaan, Perkhidmatan Sokongan Keluarga seperti kaunseling dan terapi keluarga, Program Pendidikan Keluarga yang menyediakan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan," ujarnya. 



JANGAN SEBAR **VIDEO** YANG MENGANDUNGI PERKARA MENYAKITI HATI, MENGANGGU, DAN MENGANCAM ORANG LAIN

CENSORED



Penghantaran komunikasi yang mempunyai ciri-ciri tersebut adalah satu perbuatan yang dilarang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998)

Sudah lapor kepada pihak berkuasa namun tiada tindakan susulan

Prebet sapu jejas pengusaha tempatan

KHAIRUL IDIN

KEMUNCULAN perkhidmatan prebet sapu atau bas haram menimbulkan kemarahan dan kegusaran pengusaha bas tempatan kerana mendatangkan risiko kepada pendapatan mereka.

Meskipun bukan perkara baharu, Persatuan Pemilik Bas Labuan seringkali menyuarakan masalah berkenaan berikutan tindakan tersebut telah menjejaskan pendapatan selain perkhidmatan tersebut tidak dilindungi insurans.

Ramai dalam kalangan mereka yang menjalankan aktiviti 'ulat' itu merupakan warga asing yang tidak memiliki sebarang permit Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan terdapat lebih dari 10 buah van sapu yang aktif beroperasi di kawasan bandar sejak beberapa tahun lagi.

Menurut seorang pengusaha bas, **Rahman Madun**, 74, pendapatan sebagai seorang pengusaha bas henti-henti ketika ini telah merosot dengan kehadiran perkhidmatan e-hailing dan prebet sapu.

Katanya, dia dan rakan sekerjanya masih mampu bersaing dengan pemandu e-hailing yang semakin ramai disebabkan perkhidmatan tersebut mematuhi undang-undang negara berbanding dengan kegiatan prebet sapu ini.

"Saya telah berkecimpung dalam perkhidmatan ini lebih 20 tahun dan kami di sini tidak menolak



SEBAHAGIAN prebet sapu yang sedang menunggu penumpang di kawasan Jalan Pasar Lama.

kemajuan teknologi dengan kewujudan perkhidmatan e-hailing biarpun memberikan kesan kepada kami namun ia adalah perkara yang tidak dapat dielakkan seiring dengan peredaran masa yang semakin maju.

"Apa yang saya ingin suarakan adalah kemunculan prebet sapu yang ketika ini semakin banyak dan di Labuan sahaja lebih daripada 10 buah prebet sapu yang aktif ketika ini," katanya kepada *Wilayahku*.

Rahman berkata ekoran

kemunculan prebet sapu itu, dia dan rakan-rakan pengusaha lain berdepan dengan penyusutan pendapatan mendadak sehingga sukar mendapatkan penumpang.

"Kami hilang hampir 90 peratus pelanggan kerana 'ulat-ulat' haram ini. Susah untuk kami cari makan kalau keadaan ini berterusan dan disebabkan kewujudan mereka RM50 pun susah nak dapat. Hari ini saya cuma dapat satu trip sahaja sebanyak RM25.

"Jika perkara ini tidak diberikan perhatian oleh pihak berwajib pastinya perkhidmatan bas yang kami jalankan ini akan hilang," katanya.

Rakannya Hashim Zakaria, 58, berkata kebanyakan mereka terpaksa membuat pekerjaan tambahan seperti mengambil upah memotong rumput, membuat kraftangan dan pelbagai lagi demi kelangsungan hidup ketika ini.

"Ramai kawan sekerja terpaksa melakukan kerja lain untuk meneruskan kehidupan.

"Jika dahulu pendapatan daripada bas boleh mencecah RM200 sehari keadaan itu telah berubah dan kami tidak boleh

hanya mengharapkan hasil tersebut lagi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pemilik Bas Labuan, **Asmadi Ahmad** menggesa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan segera bagi mengekang aktiviti berkenaan yang dikhuatiri menyebabkan pengusaha gulung tikar.

Tegas Asmadi, perkhidmatan haram itu dilihat semakin berleluasa biarpun persatuannya telah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkuasa namun sehingga kini masih tiada tindakan.

"Mereka ini telah beroperasi sejak dahulu lagi dengan jumlah yang kecil namun semakin ramai ada tindakan. Prebet sapu ini agak aktif tidak hanya beroperasi pada musim tertentu bahkan setiap hari membawa penumpang," katanya.

Tambahnya, disebabkan masalah tersebut ramai dalam kalangan pengusaha terpaksa melakukan pekerjaan lain berikutan jumlah pendapatan yang semakin menyusut sekali gus sukar untuk meneruskan kehidupan.

"Dahulu kami ada 120 ahli tetapi kini tinggal 60 sahaja yang masih aktif. Sebagai pengusaha bas dan warga tempatan, kami berharap pihak berkaitan dapat bertindak segera bagi menyelesaikan masalah tersebut," katanya. *W*



ASMADI



RAHMAN

Bakal haji zahir kesyukuran terima sumbangan JWP

SERAMAI 72 bakal jemaah Haji Labuan bakal berangkat menunaikan rukun Islam kelima awal Jun ini menzahirkan penghargaan kepada kerajaan menerusi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) yang menyumbang wang tunai sebanyak RM500 seorang.

Menurut **Abdul Kassim Abdullah**, dia bersyukur menerima bantuan tersebut dan menyifatkan ia sebagai rezekinya untuk menunaikan rukun Islam kelima.

"Saya agak terkejut juga bila menerima makluman mengenai bantuan ini. Saya sendiri tidak menyangka namun bersyukur dengan sumbangan yang diberikan ini oleh kerajaan untuk membantu Jemaah Haji.

"Dengan bantuan kewangan ini dapatlah membantu saya membuat

persediaan dan persiapan sebelum bertolak ke tanah suci nanti," katanya.

Bagi penjawat awam, **Mohd Khairul Azad Yunus**, dia bersama isterinya gembira apabila menerima sumbangan tersebut.

"Alhamdulillah, sememangnya sumbangan ini amat bermakna kepada kami dan para jemaah di Wilayah Persekutuan khususnya di Labuan kerana

membantu perbelanjaan kami di tanah suci.

"Bagi saya, sumbangan ini juga amat besar maknanya terutamanya kepada para bakal haji yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail berkata, JWP memperuntukkan sebanyak RM1.102 juta kepada bakal jemaah haji muassasah peringkat Wilayah Persekutuan termasuk sebanyak RM36,500 untuk Labuan.

"Sumbangan ini bertujuan untuk membantu para jemaah dalam merancang persiapan dan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan perbelanjaan untuk mengerjakan ibadah tersebut.

"Saya mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) mendoakan agar semua urusan perjalanan dipermudahkan dan semoga semua bakal jemaah haji dikurniakan haji yang

mabrur," katanya semasa majlis penyampaian sumbangan kepada 73 jemaah haji di Labuan.

Tambahnya, JWP akan terus komited dalam menyokong keperluan rakyat. *W*



RITHUAN (tengah) menyerahkan sumbangan kepada bakal haji.



ABDUL KASSIM



MOHD KHAIRUL

Tempoh percubaan 13 Mei hingga 31 Julai

Trem ART percuma kembali di Putrajaya

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) akan memulakan tempoh percubaan operasi Kenderaan Transit Aliran Automatik (ART) selama tiga bulan bermula 13 Mei hingga 31 Julai ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, tempoh percubaan tersebut adalah bertujuan untuk memperhalusi spesifikasi unit ART selain mengenal pasti sebarang kemungkinan isu sebelum meneruskan latihan POC.

“Dalam masa sama, ia juga dilaksanakan untuk menilai dan menaksir prestasi serta kefungsiannya kenderaan ART melalui unit prototaip,” ujar beliau.

Fadlun berkata dua laluan diperkenalkan sempena tempoh percubaan iaitu laluan 1A yang akan beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat bermula dari MRT Putrajaya Sentral menghala ke Lebuhraya Wawasan, Persiaran Perdana, Lingkaran Gemilang dan kembali semula ke MRT Putrajaya Sentral.

“Manakala laluan kedua iaitu laluan 2B hanya beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad akan turut



ORANG ramai berpeluang menaiki ART secara percuma sehingga Julai ini.

bermula dari MRT Putrajaya Sentral ke Persiaran Perdana, kemudian menghala ke Lebuhraya Wawasan, Persiaran Timur dan IOI Putrajaya sebelum kembali ke MRT Putrajaya Sentral.

“Sebanyak tiga trip disediakan pada setiap hari bermula pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

“Tiada bayaran akan dikenakan

kepada penumpang, orang awam yang ingin mencuba pengalaman menaiki ART hanya perlu menggunakan aplikasi melalui kod QR yang disediakan di stesen mengambil penumpang,” ujarnya.

Beliau berkata projek rintis itu adalah merupakan usaha pihaknya bagi meneguhkan ART sebagai salah satu mod pengangkutan yang

boleh melengkapkan rangkaian sistem sedia ada. Selain untuk kegunaan orang awam, ART juga bertujuan menyokong sektor pelancongan Putrajaya.

“ART menggunakan teknologi China Railway Rolling Stock Corporation (CRRC) iaitu syarikat pengeluar utama sistem dan komponen rel di dunia selain boleh

menampung seramai 239 orang penumpang pada waktu biasa sehingga 307 orang pada waktu puncak.

“Di samping itu, ART tidak bergantung kepada bahan api lain kerana menggunakan teknologi EV sepenuhnya.

“Jangan lepaskan peluang untuk rasai pengalaman menarik dengan menaiki pengangkutan terbaharu di Putrajaya sepanjang tempoh pengujian ini secara percuma.

“Maklumat lanjut berkenaan pengoperasian ART sepanjang tempoh percubaan ini akan dimuat naik di laman sesawang dan laman media sosial rasmi PPj,” ujar beliau.

Sebagai rekod, trem ART berkuasa hidrogen pertama dunia dibangunkan oleh CRRC Zhuzhou Institute Co. Ltd. telah tiba di Sarawak pada Ogos 2023.

Mempunyai kelebihan jarak memandu lebih panjang dan masa pengisian semula lebih pendek serta penjimatan tenaga dan perlindungan alam sekitar, trem pintar itu boleh bergerak sehingga 245 kilometer dalam satu cas hidrogen.

Projek ‘pahala’ barangan kitar semula

KEMPEN Kebersihan Putrajaya iaitu singkatan daripada ‘Bersih Setiap Tempat’ kini kembali dengan siri penganjuran yang dikenali sebagai Program BeST@Surau.

Kempen BeST Putrajaya merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) yang memfokuskan kepada aktiviti pencucian siar kaki, *plogging*, gotong-royong serta lain-lain perkhidmatan yang disediakan untuk penduduk Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program tersebut dilaksanakan dengan memfokuskan objektif untuk memberi manfaat dalam membantu membersihkan kawasan sekitar surau dan mengeratkan ukhuwah sesama masyarakat.

“Aspek kebersihan merupakan antara elemen utama yang sangat penting untuk menjamin kesihatan komuniti termasuk warga-warga kariah surau seiring dengan imej Putrajaya Bandar Bersih.

“Program BeST kali ini membawa elemen dan pengisian yang baharu iaitu projek pahala yang diperkenalkan dengan aktiviti jualan barangan kitar semula dari orang ramai,” ujar beliau.

Fadlun berkata hasil jualan tersebut akan diinfakkan sepenuhnya kepada surau yang terlibat.

“Orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang hasil jualan kitar semula mereka kepada surau-surau yang terlibat bagi memberi manfaat pada masa akan datang.

“Sebanyak empat siri program telah dirancang untuk diadakan di surau-surau sekitar Putrajaya pada tahun ini dan telah dimulakan dengan Surau Al-Muhajirin, Presint 9, Putrajaya Sabtu lepas.



AGENSI terlibat melakukan aktiviti pembersihan awam bersama-sama komuniti Putrajaya.

“Seiring dengan tema Bersih Setiap Tempat, aktiviti pembersihan akan dijalankan di keseluruhan kawasan surau termasuk di dalam dan luar kawasan surau, keceriaan tandas, ruang-ruang aktiviti murid, kawasan-kawasan awam dan juga aktiviti pelupusan sisa paku,” ujar beliau.

Selain itu, Fadlun berkata dalam merealisasikan persekitaran Putrajaya yang bersih, indah dan kondusif, program ini bakal menjadi medium pelaksanaan kempen bagi menggalakkan penyertaan orang awam dalam menghadiri setiap Program BeST yang akan dianjurkan oleh PPj.

“Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat membuahkan hasil dan manfaat yang diterjemahkan melalui kesedaran dalam diri betapa pentingnya menjaga aspek kebersihan setanding dengan negara-negara maju selain menyahut seruan Kempen Putrajaya Bersih Setiap Tempat,” ujar beliau.

Terdahulu, kempen tersebut dilaksanakan dengan kerjasama pemegang taruh seperti SWCorp, Alam Flora Sdn Bhd dan agensi yang terlibat secara langsung dengan pembersihan awam bersama-sama dengan komuniti Putrajaya.

Kekal status bandar mampan

PERBADANAN Putrajaya (PPj) merangkul tiga anugerah Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) pada Majlis Malam Gala MLAA14 di Hotel Majestic Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dua anugerah yang diterima adalah Anugerah Inisiatif Hijau (Kategori Kerajaan) menerusi Program Orkid Putrajaya 2023 dan Hari Rekreasi Putrajaya 2023 manakala satu lagi anugerah adalah Anugerah Pengurusan Alam Sekitar dan Landskap (Kategori Tindakan Iklim) menerusi Pengurusan Pokok Ameniti Putrajaya.

Dalam majlis yang sama, Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud turut diberi penghormatan sebagai Ahli Kehormat Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) iaitu pengiktirafan tertinggi dan berprestij keahlian ILAM yang diberikan kepada tokoh terpilih atas pencapaian, penglibatan serta sumbangan besar dalam perancangan dan pembangunan landskap negara.

Anugerah diterima ini menambah lagi koleksi pengiktirafan serta kejayaan dicapai PPj dan Wilayah Persekutuan Putrajaya sekali gus menjadi sebahagian indikator yang menyokong ke arah pencapaian Visi Wilayah Persekutuan C.H.A.S.E (*Clean, Healthy, Advanced, Safe & Eco-Friendly City*) yang digagaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Ia turut mendokong kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta menyokong ke arah Putrajaya mengekalkan status bandar mampan iaitu pengiktirafan tahunan yang dicapai PPj sejak beberapa tahun lalu.

Kurang 100 hari menjelang SUKMA ke-21

WiPers giat perkemas persiapan kontinjen

SABRINA SABRE

WILAYAH Persekutuan (WiPers) giat memperkemas persiapan kontinjen negeri itu bagi menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 Sarawak 2024 yang akan berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Menurut Pengarah MSWP, **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh**, setakat ini persiapan kesemua atlet WiPers berjalan dengan baik di bawah pengurusan pihaknya.

“Berbaki kurang dari 100 hari sebelum SUKMA 2024 membuka tirai, bagi saya, tempoh ini adalah *crucial time* untuk semua atlet melipatgandakan usaha dalam memastikan semua perancangan yang sudah diatur berjalan dengan lancar.

“Oleh kerana tempoh masa sudah agak singkat, saya menuntut komitmen dan kerjasama penuh semua jurulatih sukan untuk memastikan setiap atlet bertanding di SUKMA akan melakukan yang terbaik dalam memastikan pencapaian lebih baik bagi kontinjen WiPers pada kali ini.

“Saya yakin ramai yang sudah berpengalaman turut serta pada temasya edisi terdahulu, namun kita harus ingat pada mereka yang bakal berdepan dengan SUKMA buat pertama kali. Justeru itu, saya mahukan semua kakitangan dan



KONTINJEN WiPers tekad cipta kejayaan di SUKMA 2024.

pegawai untuk sentiasa tanamkan semangat berpasukan walau dalam apa jua masalah atau cabaran yang mungkin timbul apabila berlangsungnya SUKMA nanti,” katanya semasa Kempen Semarak SUKMA Wilayah Persekutuan 2024.

Dalam masa sama, beliau berkata tugas sebagai seorang jurulatih adalah berat namun kejayaan turun naik seseorang

atlet itu banyak dipengaruhi oleh kekuatan jurulatih dalam mencorakkan atlet masing-masing.

“Selain tugas utama merancang program latihan hingga mencapai ke tahap prestasi terunggul, jurulatih juga perlu memantau perkembangan prestasi atlet, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang ada serta memberi sokongan moral kepada atlet selain ditambah dengan kerja-kerja

pentadbiran yang perlu dilakukan.

“Pihak MSWP amat menghargai segala jasa bakti dicurahkan jurulatih dalam mencuba yang terbaik untuk membantu memenuhi keperluan mereka bagi memastikan Program Pembangunan Sukan berprestasi tinggi secara menyeluruh dan sistematik dapat dijalankan bagi kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

“Selari dengan keputusan Ahli Majlis MSWP sebelum ini yang mahukan hanya sukan yang berada di landasan terbaik dihantar ke Sarawak, saya mahu mengingatkan jurulatih untuk memberikan yang terbaik dalam memastikan atlet WiPers mencipta kejayaan lebih baik berbanding sebelumnya,” ujar beliau.

Nik Ahmad Zahiruddin juga berharap semua jurulatih yang dilantik untuk bersama-sama berganding bahu bagi memastikan semua perancangan berjalan lancar dan mencipta kejayaan lebih cemerlang pada SUKMA akan datang.

“Insya-Allah dengan perancangan yang rapi, usaha keras dan semangat sepasukan yang tinggi, saya yakin kejayaan itu pasti akan tiba.

“Di samping itu, saya juga berharap semua daripada kita untuk menjaga kesihatan dengan baik dalam tempoh masa kurang dari 100 hari ini bagi memastikan kelancaran kerja dan perancangan yang sudah dibuat lebih awal,” ujar beliau.

Sebagai rekod, kontinjen WiPers menduduki tempat ketiga keseluruhan pada SUKMA XX MSN yang diadakan pada tahun lepas dengan pencapaian 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa.

Pertingkat kawalan keselamatan

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) meminta Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) meningkatkan tahap keselamatan pemain ketika pergi dan pulang dari stadium termasuk di tempat penginapan sepanjang saingan Liga Malaysia (Liga-M).

Menurut Timbalan Presiden FAM, **Datuk Mohd Yusoff Mahadi**, isu keselamatan pemain tidak boleh dipandang ringan

terutamanya selepas insiden yang berlaku membabitkan tiga pemain bola sepak baru-baru ini.

“Kejadian ini perlu dipandang serius lebih-lebih lagi sementara waktu ini. Tindakan proaktif sewajarnya diambil kerana sebarang kemungkinan tidak boleh dijangka khususnya selepas perlawanan tamat.

“Kawalan keselamatan perlu diberikan perhatian maksimum bagi semua pasukan bukan sahaja di stadium malah sewaktu pemain pergi dan balik dari stadium,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata walaupun beban tanggungjawab



MOHD YUSOFF



ISU keselamatan pemain tidak boleh dipandang remeh susulan insiden yang berlaku membabitkan tiga pemain bola sepak baru-baru ini.

MFL dan persatuan bola sepak negeri bertambah, namun isu keselamatan pemain perlu diberi keutamaan bagi mengelakkan insiden tidak diingini.

Sementara itu, Mohd Yusoff yang juga Pengerusi Liga Bola Sepak Amat (AFL) berkata Liga M3 yang kini dinamakan semula sebagai Liga A1 Semi Pro juga tidak terkecuali untuk diberikan

kawalan keselamatan.

“Saingan di liga berkenaan turut membariskan bekas pemain kebangsaan yang perlu diberi perhatian sama seperti saingan liga utama negara.

“AFL akan memperincikan dalam aspek keselamatan terhadap pemain sebelum sepak mula Liga Semi Pro ini bulan depan,” ujar beliau.

VAR dimensi baru bola sepak Malaysia

VIDEO Bantuan Pengadil (VAR) menjadi tumpuan dalam perlawanan pertama Liga Super 2024/25 di antara Kuala Lumpur (KL) City FC menentang Kuching City FC selepas terlibat dalam dua insiden getir iaitu gol penyamaan Kuching City pada minit ke-14 dan layangan kad merah kepada pemain pertahanan baharu KL City, Adrijan Rudovic pada minit ke-39.

Bertempat di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Cheras, KL City FC yang tampil dengan 10 pemain berjaya mengikat Kuching City FC dengan keputusan seri 1-1 di mana tuan rumah terlebih dahulu membuka jaringan pada minit ke-12 perlawanan menerusi jaringan cantik luar kotak penalti yang dilakukan oleh kaptennya Paulo Josue sebelum jaringan penyamaan menerusi Yuki Tanigawa dua minit kemudian dibatalkan.

Lebih menarik lagi, Josue meraikan gol pertama musim ini dengan gaya ‘siu’ seperti tonggak Harimau Malaya, Faisal Halim sebagai tanda solidariti terhadap pemain terbabit yang menjadi mangsa simbanan asid baru-baru ini.

VAR sekali lagi terlibat dalam keputusan getir apabila Logeswaran membatalkan kad kuning yang diberikan kepada Rudovic dan melayangkan kad merah kepadanya susulan terjanahan berbahaya ke atas penyerang Kuching City, Jordan Mintah pada minit ke-34 selepas membuat semakan di monitor.

Rentak permainan tuan rumah sedikit terganggu apabila terpaksa beraksi 10 pemain selama 60 minit namun keputusan 1-1 sama kekal hingga tamat perlawanan sekali gus kedua-dua pasukan terpaksa berpuas hati berkongsi mata pada aksi pertama Liga Super.

Manfaatkan pengeluaran akaun 3 KWSP

DEEL ANJER

BERITA gembira buat pencarum apabila Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenalkan tiga akaun baharu iaitu Akaun Persaraan yang sebelum ini dikenali sebagai Akaun 1, untuk simpanan hari persaraan; Akaun Sejahtera yang sebelum ini

dikenali sebagai Akaun 2 untuk keperluan kitaran hayat semasa persaraan dan yang terkini Akaun 3 atau Akaun Fleksibel.

Apa yang menjadi topik perbualan masyarakat semestinya kepada Akaun 3 yang memberikan fleksibiliti kepada pencarum untuk membuat pengeluaran pada

bila-bila masa untuk keperluan kewangan jangka pendek.

Ternyata pengumuman tersebut memberi kelegaan kepada pencarum tidak terkecuali para selebriti yang tumpang gembira dan berharap masyarakat lebih memanfaatkan pengeluaran tersebut untuk perkara yang berfaedah.

Belajar kemahiran baharu

PENYANYI Dafi mengesyorkan agar pencarum KWSP menerapkan tahap disiplin yang tinggi agar tidak sewenang-wenangnya membuat pengeluaran caruman Akaun 3 atau Akaun Fleksibel.

Menurut Dafi atau nama sebenarnya Gadaffi Ismail Sabri, 35, akaun berkenaan perlu digunakan untuk keperluan penting selain dalam masa yang sama pencarum wajar melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan kewangan peribadi.

"Akaun fleksibel ini sebenarnya banyak membantu masyarakat. Cuma apa yang dibimbangi ialah pengeluaran dibuat semata-mata untuk berbelanja bagi perkara yang bukan mendesak.

"Misalnya membeli gajet, menghias rumah, menukar aksesori kenderaan atau tujuan fesyen lebih-lebih lagi sekarang semuanya boleh dilakukan secara dalam talian. Mudah dan cepat.

"Bagi mereka yang masih terfikir-fikir nak buat apa dengan duit dari akaun fleksibel tu, saya cadangkan menggunakan kesempatan ini untuk keperluan pendidikan atau mengambil kursus kemahiran jangka masa pendek.

"Tidak salah guna duit KWSP untuk tambah kemahiran. Sebenarnya ada banyak agensi kerajaan tawar

kursus jangka pendek dengan yuran berpatutan.

"Selain itu, boleh juga gunakan duit tersebut untuk ambil kursus jangka pendek atau bidang yang diminati. Apabila diri kita dilengkapi kemahiran lain, ia juga boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan. Tak rugi!



Buat modal niaga

PELANTUN lagu Biar Sampai Ke Bintang, **Asmidar** menganggap pengeluaran akaun fleksibel KWSP adalah langkah terbaik membantu golongan terjejas.

Bagi Asmidar atau nama penuhnya Norhasmidar Ahmad, 38, pengumuman itu disambut baik kerana sangat membantu mereka yang menghadapi kesempitan kewangan.

"Pandemik COVID-19 telah mengajar kita semua, terutamanya individu yang ingin memiliki bisnis sendiri untuk keluar dari zon selesa masing-masing. Disebabkan situasi tersebut, ramai mula meluaskan bisnis mereka secara dalam talian.

"Jadi golongan ini boleh terus menggunakan pengeluaran akaun fleksibel tersebut untuk buat modal berniaga. Lagipun pengeluaran seperti ini bukan selalu ditawarkan. Jadi manfaatkan peluang ini untuk kembangkan perniagaan.

"Dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan,

peniaga perlu kuat semangat dan tidak berputus asa. Saya yakin, pengeluaran ini sedikit sebanyak memberi harapan kepada mereka untuk meneruskan perniagaan," ujarnya.

Asmidar turut berharap masyarakat tidak berhalaggunakan pengeluaran akaun fleksibel untuk perkara yang tidak penting.

"Bagi mereka yang tidak berniaga pula, fikir dan senaraikan keperluan yang betul-betul mustahak untuk dibeli.

"Langkah tersebut membuatkan kita fokus dan tidak lari bajet. Kadang-kadang, ada yang boros dengan membeli barang bukan keperluan. Bukan apa, rugilah kalau kita gunakan bukan pada perkara yang sepatutnya.

"Duit tersebut adalah hasil titik peluh anda bekerja sebelum ini, buatlah sesuatu yang bermanfaat untuk diri," tambahnya lagi.

Zara Zya saran wujud tabung kecemasan

PELAKON popular **Zara Zya** menganggap pengeluaran akaun fleksibel ini memberi banyak manfaat kepada masyarakat namun itu bukan bermakna masyarakat harus membelanjakan semua wang yang ada.

Bagi Zara, perancangan awal dan rapi harus dibuat bagi mengelak timbul masalah kewangan.

"Bagi saya, jika ada yang masih belum merancang nak buat apa duit tersebut, sebaik-baiknya simpan

sebagai tabung kecemasan.

"Banyak atau sedikit duit dalam tabung, itu soal nombor dua. Saya melihat tabung kecemasan ini sebagai persediaan untuk menghadapi hari-hari sukar.

"Kegagalan membuat perancangan dengan tidak mempunyai tabung kecemasan amat membimbangkan kerana kita boleh jadi tertekan apabila memerlukan duit di saat getir. Kata orang, malang tidak berbau.

"Mungkin bukan untuk kita, tapi ia

boleh digunakan untuk pasangan atau anak-anak apabila perlu menggunakan wang di saat kecemasan," ujarnya.

Tambahnya lagi, bagi mereka yang mempunyai hutang, disarankan untuk menyelesaikan hutang terlebih dahulu dan ia merupakan langkah terbaik.

"Mungkinlah tidak cukup untuk bayar semua hutang, tapi sekurang-kurangnya komitmen hutang kita dah berkurang dan secara tak langsung beban yang dialami makin berkurang," ujarnya.





WILAYAHKU

● BIL 262 ● 17 - 23 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Perlu yakin menunaikan haji jemputan daripada-Nya

Haram jemaah tidak ikut saluran betul

SYED HAZIQUE

LEMBAGA Tabung Haji (TH) memaklumkan tindakan rakyat Malaysia yang tidak mengikut saluran dan proses betul untuk menunaikan haji adalah berdosa dan haram berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Memetik laporan *Bernama*, Pengarah Operasi Bimbingan Haji Tanah Suci Lembaga Tabung Haji (TH), Shahrin Awaludin berkata amat penting bagi seseorang yang beragama Islam untuk taat kepada Allah, rasul dan pemimpin atau peraturan sedia ada dalam melakukan sesuatu perkara.

“Sebab itu dalam konteks haji, baru-baru ini kerajaan Arab Saudi melalui Dewan Ulama tertinggi mengesahkan bahawa hukum jemaah haji yang datang tanpa proses atau peraturan yang betul adalah haram dan berdosa.

“Haji adalah satu-satunya ibadah bagi orang yang berkemampuan. Selain daripada kemampuan kewangan, keamanan, kesihatan, mereka juga perlu memenuhi syarat kuota dan ada permit untuk menunaikan haji,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat TH baru-baru ini.

Beliau turut menasihati orang ramai yang ingin menunaikan haji supaya tidak terlalu ghairah tanpa mengambil kira peraturan ditetapkan kerajaan Malaysia



HAJI adalah satu-satunya ibadah bagi orang yang berkemampuan. - Gambar hiasan

mahupun Arab Saudi serta perlu dilakukan mengikut adab dan peraturan selain dilaksanakan berlandaskan hukum syarak.

“Walau kita mampu sekali pun, itu tidak mencukupi maka kita kena tunggu. Kita kena yakin kepada Allah bahawa untuk menunaikan haji ini adalah jemputan daripada-Nya.

“Insya-Allah jika ada jemputan menjadi dhuyufurrahman kita akan sampai juga. Kalau kita pergi tanpa mengambil kira perkara ini bimbang memberi kesan

kepada pelbagai pihak termasuk keluarga dan mungkin negara akan terlibat,” katanya.

Baru-baru ini tular di media sosial menyatakan bahawa kira-kira 300 bakal jemaah haji Malaysia terkandas di Makkah kerana dikatakan menggunakan visa pelancong untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

Perkara itu dikongsikan seorang pengguna media sosial selepas dihubungi rakannya yang meminta untuk membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

Ia mendapat perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar yang mengarahkan TH melakukan siasatan berhubung kejadian yang menimpa bakal jemaah haji berkenaan.

Majlis Ulama Kanan Arab Saudi baru-baru ini menegaskan umat Islam yang ingin melaksanakan ibadah haji wajib mendapatkan permit haji terlebih dahulu mengikut undang-undang syariah negara itu dan mereka yang tidak berbuat demikian adalah berdosa.

Kerajaan Arab Saudi turut mengumumkan penguatkuasaan penalti SAR10,000 bagi pelanggaran peraturan dan arahan musim haji termasuk memasuki tujuh kawasan tanpa permit haji antaranya Makkah, Wilayah Tengah, Masyair, stesen kereta api Haramain di Rusayfah, pusat kawalan keselamatan, pusat pengasingan dan pusat kawalan keselamatan sementara.

Penalti yang berkuat kuasa mulai 2 hingga 20 Jun itu akan dikenakan kepada semua individu termasuk warga tempatan, pemastautin dan pengunjung yang ditangkap di dalam kawasan berkenaan tanpa permit sah.

Sementara itu, TH turut memaklumkan tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung rakyat Malaysia yang terkandas

di Makkah dan Madinah akibat terpedaya dengan pakej haji menggunakan visa pelancong.

Menurut Mohd Na'im bagi para jemaah yang merasakan diperdaya dengan janji untuk menunaikan haji perlu membuat aduan kepada TH, Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah, Arab Saudi atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk siasatan lanjut.

“Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui TH sentiasa memberi peringatan saban tahun kepada umat Islam negara supaya lebih berhati-hati dengan sebarang tawaran pakej murah yang ditawarkan segelintir agensi pelancongan yang tidak dilesenkan oleh TH.

“Turut diingatkan kepada mana-mana individu atau agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pakej haji tanpa kelulusan daripada TH adalah menjadi satu kesalahan dan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535),” katanya.

Tambah Mohd Na'im, beliau turut menasihati mana-mana pihak yang berada di Tanah Suci untuk pulang ke tanah air sekiranya tidak mempunyai visa haji yang sah.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNGBARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU: PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAB ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■
PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■
LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCHA-RANCHA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



Maklumat lanjut sila dapatkan di www.wilayahku.com.my